




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



BAHASA MELAYU

KELAS PERALIHAN





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD KELAS PERALIHAN

BAHASA MELAYU KELAS PERALIHAN

PENULIS

SHAMSUDIN BIN OTHMAN
SALASIAH BINTI SABRAN
ZAIHANIM BINTI ZAINAL ABIDIN

JAWATANKUASA PENINGKATAN MUTU

NORHANA BINTI BAKHARY
ZULKAFLY BIN OTHMAN
NORAINI BINTI JAMALUDDIN
SABRI BIN CHE SEMAN
THANABAL A/L M.PALANISAMY

EDITOR

NOOR ROZA BINTI HASSAN
ZAIDAH BINTI AHMAD ROSLY

PEREKA BENTUK

MOHD SYAKIRIN BIN OTHMAN
ALIMUQSIT BIN AZIZAKIE


ILUSTRATOR

SYAHRUL FAIZ BIN ZAINUDDIN



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0082

KK 499-221-0102011-49-2518-30101
ISBN 978-983-49-2518-5

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-2147 9643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Gigawise Network Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Helvetica
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.,
No.12, Jalan 4/118C,
Desa Tun Razak,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin
- Agensi Angkasa Negara
- Alam Flora Sdn. Bhd.
- Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia
- Catzonia, Shah Alam, Selangor
- Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Jurassic Research Centre, Pulau Pinang
- Tiny Forest Terrariums, Subang Jaya, Selangor
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Berhad, Kota Bharu, Kelantan
- Lisz Hair & Beauty Salon, Shah Alam, Selangor
- Muzium Sejarah Cina, Sarawak
- Muzium Negara
- Muzium Peranakan Baba Nyonya Melaka
- Patin 118 Enterprise, Temerloh, Pahang
- Penerbit Buletin PBMP, Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
- Perbadanan Taman Negara Johor
- Pejabat Daerah Kota Belud, Sabah

- Pejabat Pendidikan Daerah Lipis, Pahang
- Polis Diraja Malaysia
- Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara
- Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia
- Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Alam, Masai, Johor
- Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya, Seberang Perai, Pulau Pinang
- Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda, Shah Alam, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Cheras, Kuala Lumpur
- Sekolah Menengah Kebangsaan Kelapa Sawit, Kulai, Johor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free, Pulau Pinang
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Hartamas, Kuala Lumpur
- Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Keruit, Sungkai, Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa, Kuala Lipis, Pahang
- Universiti Teknologi Mara, Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Johor
- Universiti Malaysia Terengganu
- YZ Agro Farm Strawberry and Cafe, Cameron Highlands, Pahang
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Kandungan

Pendahuluan	viii
lkon	x
Aktiviti Pembelajaran Abad ke-21	xii
Pemetaan Kandungan	xiv
Teknik Bacaan	xix

Tema 1	Kesihatan dan Kebersihan	1
Unit 1	Utamakan Kesihatan	2
Unit 2	Gaya Hidup Sihat	9
Unit 3	Cintai Kebersihan	17



Tema 2	Keselamatan	25
Unit 4	Berwaspada Selalu	26
Unit 5	Hargai Diri	33
Unit 6	Anda Prihatin Hidup Sejahtera	41



Tema 3	Perpaduan	49
Unit 7	Sayangi Malaysiaku	50
Unit 8	Bersatu Teguh	57
Unit 9	Nikmat Kemakmuran	65



Tema 4 Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 73

Unit 10 Budaya Kita 74

Unit 11 Selera Warisan 83

Unit 12 Kehalusan Seni Warisan Bangsa 91



Tema 5 Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan 99

Unit 13 Inilah Kisahku 100

Unit 14 Menjadi Wira 107

Unit 15 Negaraku Tercinta 115



Tema 6 Sains, Teknologi dan Inovasi 123

Unit 16 Dunia Sains 124

Unit 17 Teknologi Tanpa Sempadan 131

Unit 18 Kreativiti dan Inovasi 139



Tema 7 Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 149

Unit 19 Bumi Hijau 150

Unit 20 Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam 157

Unit 21 Harga Sebuah Alam 165



Tema 8	Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan	173
---------------	--	------------

Unit 22	Ekonomi Dinamik Hidup Sejahtera	174
----------------	---------------------------------	-----

Unit 23	Berani Niaga	181
----------------	--------------	-----

Unit 24	Menjanakan Pendapatan	189
----------------	-----------------------	-----



Tema 9	Sukan dan Rekreasi	197
---------------	---------------------------	------------

Unit 25	Menjadi Juara	198
----------------	---------------	-----

Unit 26	Atlet Sihat	205
----------------	-------------	-----

Unit 27	Mari Berekreasi	213
----------------	-----------------	-----



Senarai Rujukan	222
------------------------	------------

Glosari	224
----------------	------------

Indeks	226
---------------	------------

Cadangan Jawapan	228
-------------------------	------------

Skrip QR Code	249
----------------------	------------

Pendahuluan

Buku teks *Bahasa Melayu Kelas Peralihan* ini ialah buku teks baharu yang ditulis berpandukan keperluan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).

Keistimewaan buku ini ialah kandungan buku ini diolah secara terancang dengan mewujudkan aspek penggabungjalinan antara kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis dengan penerapan aspek seni bahasa dan tatabahasa secara berpandu. Keunikan buku ini mengetengahkan aktiviti cerdik bahasa dan pintar bahasa, iaitu aktiviti yang merujuk kepada konsep pengukuhan sama ada bagi tujuan pemulihan atau pengayaan. Persembahan buku ini turut direka bentuk berdasarkan konsep majalah bagi menimbulkan kesegaran menarik daripada aspek warna, susun atur dan ilustrasinya.

Buku ini terdiri daripada sembilan tema dengan 27 unit pembelajaran yang mencakupi bidang sains, sastera, sosial, ekonomi dan teknologi. Dalam hal yang sama, buku ini turut memberikan penekanan kepada aspek penerapan nilai-nilai murni dan kemahiran insaniah murid. Pemilihan bahan dan tema yang dikemukakan dalam buku ini adalah sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Penulisan buku ini diolah dengan menggunakan pendekatan modular, iaitu pendekatan yang menitikberatkan aspek kemahiran komunikasi dan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid. Aktiviti yang dicadangkan pula adalah bersifat terbuka, iaitu dengan membuka ruang yang sebebaskan kepada guru dan murid untuk menentukan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam PdPc mereka.

Bagi menjadikan buku ini lebih menarik minat murid terhadap penggunaan bahan berteknologi, penulis telah mewujudkan gandingan pembelajaran interaktif antara teks, audio, video, dan grafik melalui teknologi *Quick Response (QR Code)* dan *Augmented Reality (AR Code)* yang diolah dalam bentuk aktiviti mahupun latihan supaya kelihatan menarik. Sementara itu, maklumat-maklumat tambahan seperti info bestari (nota tatabahasa), bacaan luas (eksplorasi), permainan bahasa dan skema jawapan turut disediakan dengan tujuan menjadikan buku ini bersifat mesra pengguna.

Buku yang bersifat mesra pengguna ini turut menyediakan pernyataan Standard Pembelajaran (SP) dalam setiap halaman. Hal ini bertujuan untuk memudahkan guru merancang serta mencorakkan aktiviti dan strategi yang dicadangkan bersesuaian dengan tahap pencapaian, minat, kecenderungan, kesediaan dan keperluan murid. Malah, setiap aktiviti yang dirancang dalam buku ini adalah bersifat lentur bagi membolehkan murid mencapai objektif pembelajaran dan elemen merentas kurikulum seperti yang ditetapkan oleh Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP). Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam buku ini juga diharapkan dapat menjelmakan pendekatan didik hibur sejajar dengan konsep pembelajaran masteri.

Bagi menjadikan buku teks ini lebih interaktif, penulis telah berusaha menyerapkan penguasaan pelbagai ilmu, antaranya semangat kewarganegaraan, patriotik, peraturan sosiobudaya, keselamatan, sukan dan rekreasi, teknologi maklumat dan komunikasi, kreativiti dan inovasi, keusahawanan serta kemahiran bernilai tambah yang menjadi keperluan Pembelajaran Abad Ke-21.

Oleh sebab itu, besarlah harapan penulis dan penerbit agar buku teks *Bahasa Melayu Kelas Peralihan* ini dapat dimanfaatkan oleh guru dan murid dengan berkesannya.

Shamsudin bin Othman

Salasiah binti Sabran

Zaihanim binti Zainal Abidin

Ikon



Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Mengandungi sembilan standard pembelajaran yang bermula dengan mendengar dan menyebut perkataan hingga menyatakan permintaan dengan ayat yang tepat secara bertatasusila.



Seni Bahasa



Mengandungi enam standard pembelajaran bermula dengan membaca dan memahami karya sastera, menghasilkan penulisan, seterusnya mempersembahkan karya prosa dan puisi secara kreatif dan berkesan.



Kemahiran Membaca

Kemahiran ini penting kerana maklumat yang dituturkan atau ditulis diperolehi daripada bacaan. Walaupun hanya mengandungi lapan standard pembelajaran, kemahiran ini perlu diulang dan dipelbagaikan untuk memastikan murid benar-benar menguasai kemahiran membaca ini. Teknik bacaan Hayati Eksplorasi Bacaan Aras Tinggi (HEBAT) turut diaplikasikan dalam buku ini untuk meningkatkan kemahiran bacaan murid.



Tatabahasa

Mengandungi sembilan standard pembelajaran yang bermula dengan pengetahuan dan pemahaman tatabahasa yang terdiri daripada kata nama, kata ganti nama, kata kerja, kata sendi, subjek dan predikat, pola ayat, jenis ayat, membetulkan kesalahan perkataan dalam ayat dan membetulkan kesalahan ayat dengan tepatnya.



Kemahiran Menulis

Mengandungi sepuluh standard pembelajaran yang bermula dengan menulis secara mekanis hingga menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan lengkapnya, betulnya dan kreatifnya.



Bacaan Luas

Merupakan aktiviti bacaan yang disediakan untuk membantu murid membaca secara bebas sama ada dengan bimbingan guru atau tanpa bimbingan guru. Tujuan pembacaan adalah untuk meningkatkan kemahiran bacaan murid, menambahkan ilmu pengetahuan dan mengisi masa lapang murid sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.




Celik Bahasa

Aktiviti ini terdiri daripada latihan mudah tetapi dijemakan dalam bentuk dan konteks yang berbeza untuk memastikan murid mencapai dan menguasai tahap yang baik dalam satu-satu standard pembelajaran.



Pintar Bahasa

Aktiviti ini terdiri daripada latihan yang lebih tinggi arasnya bukan sahaja untuk memastikan murid benar-benar menguasai standard pembelajaran, malah murid telah bersedia untuk mempelajari kemahiran dalam standard pembelajaran yang lebih mencabar. Pada peringkat ini, diharapkan murid dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pembelajaran, iaitu murid berada pada tahap mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.



Info Bestari

Terdiri daripada nota-nota dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan tema atau tajuk yang diajarkan dalam buku ini.



Eksplorasi Minda

Merupakan latihan lanjutan bagi memperkukuh dan memperkaya penguasaan standard pembelajaran yang telah dipelajari murid. Latihan ini dilakukan dengan bimbingan guru atau tanpa bimbingan guru. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) digalakkan dalam aktiviti ini.



QR Code

QR Code (Quick Response Code) yang menggunakan gajet untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk audio, video atau dokumen lain serta panduan menjawab soalan bagi menarik minat murid dengan cara mengimbas kod yang tertera pada halaman.



AR Code

Aplikasi ini merupakan aplikasi *Augmented Reality* (AR) bagi buku teks Bahasa Melayu Kelas Peralihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Aplikasi tersebut boleh dimuat turun daripada telefon pintar melalui aplikasi Play Store dan App Store menggunakan kata kunci "AR DBP Bahasa Melayu (KP)".

PEMBELAJARAN KOPERATIF

Pembelajaran koperatif merujuk kaedah pengajaran yang memerlukan murid daripada pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mendapatkan hasil akhir yang berkaitan dengan isi pelajaran. Sasaran pembelajaran koperatif adalah untuk mencapai tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk rakan-rakan yang lain.

MAIN PERANAN

Murid dikehendaki memegang suatu peranan sama ada sebagai dirinya sendiri atau menjadi individu lain mengikut tugas yang diberikan oleh guru. Murid diberi masa untuk membuat persediaan bagi menjwai watak yang diberikan.

FIKIR-PASANG-KONGSI (*THINK-PAIR-SHARE*)

- Guru mengemukakan soalan atau tugas.
- Murid berfikir secara sendiri dalam jangka masa tertentu untuk mendapatkan jawapan.
- Murid akan berkongsi jawapan dengan rakan.

STAY AND STRAY

Kaedah yang digunakan untuk membuat pembentangan kumpulan kecil. Seorang ahli kumpulan ditugaskan untuk berada dalam kumpulan dan memberikan penerangan tentang bahan kumpulan mereka. Ahli kumpulan yang lain pula akan bergerak untuk melihat dan menyoal hasil kerja kumpulan lain.

TANDA BICARA (*TALKING CHIPS*)

- Setiap ahli kumpulan diberi satu *chip*.
- *Chip* akan diletakkan di tengah-tengah meja apabila ingin bercakap dan memberikan pendapat.
- Murid tidak boleh mengulangi giliran bercakap sehingga semua ahli kumpulan telah selesai bercakap.

MEJA BULAT

- Perbincangan dilakukan secara berkumpulan.
- Seorang murid menjadi ketua untuk mempengerusikan perbincangan.
- Seorang murid menjadi pencatat.
- Perbincangan berfokus kepada tajuk yang ditetapkan oleh guru.
- Semua anggota kumpulan mesti memberikan pendapat semasa perbincangan.
- Pendapat harus diberikan secara bergilir-gilir.
- Wakil kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan.

TEATER PEMBACA

- Beberapa orang murid dipilih berdasarkan watak dalam skrip atau bahan.
- Setiap murid yang dipilih diberi watak dan skrip (menjadi pelakon).
- Seorang pencerita dipilih untuk membaca bahagian cerita dalam skrip.
- Ruang lakon disediakan di hadapan kelas dan menghadap penonton.
- Pencerita akan berdiri di bahagian tepi (kiri atau kanan) pelakon.
- Pelakon akan berdiri di tengah-tengah.
- Pelakon akan membaca dialog mengikut urutan skrip.
- Pelakon yang tiba gilirannya akan bergerak selangkah ke hadapan dan membaca/melakonkan dialog dengan penuh penghayatan.

KERUSI PANAS

- Seorang murid dikehendaki memainkan peranan satu watak.
- Murid berkenaan duduk di kerusi di hadapan kelas.
- Murid-murid lain mengajukan pertanyaan berkaitan dengan perwatakan watak yang dilakonkan.
- Murid yang duduk di kerusi mesti menjawab soalan sebagai watak yang dilakonkan.
- Murid lain mencatat perwatakan watak.

PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Pembelajaran berasaskan projek ialah satu pendekatan pedagogi yang merangsang kemahiran abad ke-21 murid. Pendekatan ini menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi, meraikan kebolehan murid serta mencungkil bakat murid dalam pembelajaran. Melalui pendekatan ini murid mampu menimba ilmu dengan lebih praktikal dan tidak bergantung kepada pemusatan guru semata-mata. Contoh pembelajaran berasaskan projek ialah projek hasil tangan, projek lawatan dan projek buku.

PEMETAAN KANDUNGAN

Tema	Unit	Tajuk	SK	Kemahiran Bahasa	SP	Sistem Bahasa	Peta Pemikiran	Aras Pemikiran
KESIHATAN DAN KEBERSIHAN	1	Utamakan Kesihatan	1.1	DT	1.1.1	Menyebut Perkataan		Kefahaman
			2.1	BC	2.1.1	Bacaan Mekanis		Mengaplikasi
			3.1	TU	3.1.1	Menulis Perkataan dan Frasa		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Pantun		Kefahaman
			5.1	TB	5.1.1	Kata Nama		Mengaplikasi
	2	Gaya Hidup Sihat	1.1	DT	1.1.1	Menyebut Istilah		Kefahaman
			2.1	BC	2.1.2	Syair		Mengaplikasi
			3.1	TU	3.1.1	Frasa		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Cerpen		Kefahaman
			5.1	TB	5.1.1	Kata Ganti Nama		Mengenal pasti
	3	Cintai Kebersihan	1.1	DT	1.1.2	Rangkai Kata		Mengenal pasti
			2.1	BC	2.1.1	Bacaan Mekanis		Mengaplikasi
			3.2	TU	3.2.1	Mengimlak Perkataan		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Deklamasi Sajak		Mengaplikasi
			5.1	TB	5.1.2	Kata Kerja		Mengenal pasti
KESELAMATAN	4	Berwaspada Selalu	1.2	DT	1.2.1	Arahan		Kefahaman
			2.1	BC	2.1.2	Pantun		Mengaplikasi
			3.2	TU	3.2.2	Mengimlak Perenggan		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Cerpen		Menganalisis
			5.1	TB	5.1.2	Kata Kerja		Mengenal pasti
	5	Hargai Diri	1.2	DT	1.2.1	Pesanan		Mengaplikasi
			2.1	BC	2.1.2	Syair		Mengaplikasi
			3.3	TU	3.3.1	Membina Ayat		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Novel		Menilai
			5.1	TB	5.1.3	Kata Adjektif		Mengaplikasi
	6	Anda Prihatin Hidup Sejahtera	1.2	DT	1.2.2	Arahan		Kefahaman
			2.3	BC	2.2.1	Perkataan dan Rangkai Kata		Kefahaman
			3.3	TU	3.3.2	Membina Ayat		Mengaplikasi
			4.2	SB	4.2.1	Bandingan Semacam		Mengenal pasti
			5.1	TB	5.1.3	Kata Adjektif		Menilai

Tema	Unit	Tajuk	SK	Kemahiran Bahasa	SP	Sistem Bahasa	Peta Pemikiran	Aras Pemikiran
PERPADUAN	7	Sayangi Malaysiaku	1.2	DT	1.2.2	Pesanan		Mengaplikasi
			2.2	BC	2.2.1	Perkataan dan Rangkaian Kata		Kefahaman
			3.3	TU	3.3.3	Menulis Perenggan		Mencipta
			4.2	SB	4.2.2	Peribahasa		Menganalisis
			5.1	TB	5.1.3	Kata Adjektif		Mengaplikasi
	8	Bersatu Teguh	1.2	DT	1.2.2	Pengumuman		Menganalisis
			2.2	BC	2.2.2	Isi Tersurat		Menilai
			3.4	TU	3.4.1	Mencatat Maklumat		Menganalisis
			4.3	SB	4.3.1	Pantun		Mengaplikasi
			5.1	TB	5.1.4	Kata Sendi		Kefahaman
	9	Nikmat Kemakmuran	1.3	DT	1.3.1	Ucapan Selamat dan Penghargaan		Mengaplikasi
			2.3	BC	2.3.1	Membaca Secara Luncuran		Mengaplikasi
			3.5	TU	3.5.1	Membina Kerangka		Menganalisis
			4.3	SB	4.3.1	Menulis Sajak		Mencipta
			5.1	TB	5.1.4	Kata Sendi		Menganalisis
KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA	10	Budaya Kita	1.4	DT	1.4.1	Berbicara Secara Bertatasusila		Mengaplikasi
			2.3	BC	2.3.2	Meringkaskan Maklumat		Menganalisis
			3.5	TU	3.5.2	Menulis Pendahuluan		Mencipta
			4.3	SB	4.3.2	Menulis Karangan Pendek		Mencipta
			5.2	TB	5.2.1	Subjek dan Predikat		Kefahaman
	11	Selera Warisan	1.5	DT	1.5.1	Menyatakan Pendapat		Menilai
			2.4	BC	2.4.1	Membaca Maklumat		Menganalisis
			3.5	TU	3.5.2	Menulis Isi		Mencipta
			4.4	SB	4.4.1	Penulisan Kreatif		Mencipta
			5.2	TB	5.2.2	Pola Ayat		Kefahaman
	12	Kehalusan Seni Warisan Bangsa	1.6	DT	1.6.1	Mendapatkan Perkhidmatan		Mengaplikasi
			2.4	BC	2.4.2	Membaca Maklumat		Menganalisis
			3.5	TU	3.5.2	Menulis Perenggan Kesimpulan		Menganalisis
			4.1	SB	4.1.1	Cerpen		Menilai
			5.2	TB	5.2.2	Membina Ayat		Kefahaman

Tema	Unit	Tajuk	SK	Kemahiran Bahasa	SP	Sistem Bahasa	Peta Pemikiran	Aras Pemikiran
JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN	13	Inilah Kisahku	1.1	DT	1.1.2	Perkataan, Istilah dan Rangkaian Kata		Menganalisis
			2.1	BC	2.1.1	Bacaan Mekanis		Kefahaman
			3.5	TU	3.5.3	Karangan		Mencipta
			4.2	SB	4.2.1	Bandingan Semacam		Mengaplikasi
			5.2	TB	5.2.3	Jenis Ayat		Mengaplikasi
	14	Menjadi Wira	1.2	DT	1.2.1	Pengumuman		Mengaplikasi
			2.1	BC	2.1.2	Bacaan Mekanis		Mengaplikasi
			3.1	TU	3.1.1	Menulis Mekanis		Mengaplikasi
			4.2	SB	4.2.2	Peribahasa		Menganalisis
			5.2	TB	5.2.3	Jenis Ayat		Mengaplikasi
	15	Negaraku Tercinta	1.2	DT	1.2.2	Pesanan		Mengaplikasi
			2.2	BC	2.2.2	Isi Tersirat		Menganalisis
			3.2	TU	3.2.2	Mengimlak Perenggan		Menganalisis
			4.2	SB	4.2.2	Peribahasa		Mencipta
			5.3	TB	5.3.1	Kesalahan Perkataan		Menganalisis
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	16	Dunia Sains	1.3	DT	1.3.1	Ucapan Selamat dan Penghargaan		Mengaplikasi
			2.4	BC	2.3.1	Membaca Blog		Menganalisis
			3.3	TU	3.3.1	Membina Ayat		Kefahaman
			4.3	SB	4.3.1	Menulis Sajak		Mencipta
			5.3	TB	5.3.2	Edit Bahasa		Menganalisis
	17	Teknologi Tanpa Sempadan	1.4	DT	1.4.1	Berbicara Secara Bertatasusila		Mengaplikasi
			2.3	BC	2.3.2	Meringkaskan Maklumat		Menganalisis
			3.4	TU	3.4.1	Mencatat Maklumat		Menganalisis
			4.2	SB	4.2.1	Bandingan Semacam		Mencipta
			5.1	TB	5.1.1	Kata Nama dan Kata Ganti Nama		Mencipta
	18	Kreativiti dan Inovasi	1.5	DT	1.5.1	Menyatakan Pendapat		Mengaplikasi
			2.3	BC	2.3.3	Ceramah		Menganalisis
			3.3	TU	3.3.3	Membina Perenggan		Mencipta
			4.4	SB	4.4.1	Karya Kreatif		Mencipta
			5.2	TB	5.2.2	Pola Ayat		Kefahaman

Tema	Unit	Tajuk	SK	Kemahiran Bahasa	SP	Sistem Bahasa	Peta Pemikiran	Aras Pemikiran
ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU	19	Bumi Hijau	1.2	DT	1.2.1	Pengumuman Ringkas		Mengaplikasi
			2.3	BC	2.3.2	Meringkaskan Maklumat		Menganalisis
			3.5	TU	3.5.2	Penulisan Karangan		Mencipta
			4.2	SB	4.2.1	Bandingan Semacam		Mengaplikasi
			5.2	TB	5.2.1	Subjek dan Predikat		Kefahaman
	20	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam	1.5	DT	1.5.1	Menyatakan Pendapat		Menilai
			2.4	BC	2.4.1	Mendapatkan Maklumat		Menganalisis
			3.2	TU	3.2.2	Mengimlak Perenggan		Mengaplikasi
			4.3	SB	4.3.2	Cerita Pendek	Peta Alir	Mencipta
			5.3	TB	5.3.1	Kesalahan Perkataan		Menganalisis
	21	Harga Sebuah Alam	1.6	DT	1.6.1	Mendapatkan Barangan dan Perkhidmatan		Mengaplikasi
			2.4	BC	2.4.2	Medapatkan Maklumat	Peta Pelbagai Alir	Mengaplikasi
			3.2	TU	3.2.2	Mengimlak Perenggan		Mengaplikasi
			4.3	SB	4.3.1	Sajak		Mencipta
			5.3	TB	5.3.2	Kesalahan Ayat		Menganalisis
EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	22	Ekonomi Dinamik Hidup Sejahtera	1.3	DT	1.3.2	Ungkapan		Mengaplikasi
			2.4	BC	2.4.1	Mendapatkan Maklumat		Menganalisis
			3.3	TU	3.3.3	Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk		Kefahaman
			4.4	SB	4.4.1	Cerpen		Mengaplikasi
			5.2	TB	5.2.2	Pola Ayat		Kefahaman
	23	Berani Niaga	1.5	DT	1.5.1	Menyatakan Pendapat		Menilai
			2.3	BC	2.3.1	Menyampaikan Maklumat		Menganalisis
			3.2	TU	3.2.2	Mengimlak Perenggan		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Syair		Menganalisis
			5.2	TB	5.2.1	Subjek dan Predikat		Menganalisis
	24	Menjana Pendapatan	1.6	DT	1.6.1	Mendapatkan Barangan dan Perkhidmatan		Mengaplikasi
			2.2	BC	2.2.2	Maksud Tersurat dan Tersirat		Menganalisis
			3.5	TU	3.5.2	Penulisan Karangan		Mencipta
			4.3	SB	4.3.1	Sajak		Mencipta
			5.3	TB	5.3.1	Kesalahan Perkataan	Peta Alir	Menganalisis

Tema	Unit	Tajuk	SK	Kemahiran Bahasa	SP	Sistem Bahasa	Peta Pemikiran	Aras Pemikiran
SUKAN DAN REKREASI	25	Menjadi Juara	1.1	DT	1.1.1	Perkataan		Mengaplikasi
			2.4	BC	2.4.1	Mendapatkan Maklumat		Kefahaman
			3.3	TU	3.3.3	Membina Perenggan		Mengaplikasi
			4.1	SB	4.1.1	Cerpen		Kefahaman
			5.2	TB	5.2.3	Jenis Ayat		Mencipta
	26	Atlet Sihat	1.3	DT	1.3.2	Bersoal jawab		Mengaplikasi
			2.3	BC	2.3.1	Menyampaikan Maklumat		Menganalisis
			3.2	TU	3.2.1	Mengimlak Perkataan dan Frasa		Menganalisis
			4.3	SB	4.3.1	Pantun		Mencipta
			5.3	TB	5.3.1	Kesalahan Perkataan		Menganalisis
	27	Mari Berekreasi	1.4	DT	1.4.1	Berbicara secara Bertatasusila		Mencipta
			2.2	BC	2.2.2	Isi Tersurat dan Tersirat		Menganalisis
			3.5	TU	3.5.3	Surat Kiriman Tidak Rasmi		Mencipta
			4.3	SB	4.3.2	Catatan atau Penulisan Prosa		Mencipta
			5.3	TB	5.3.2	Kesalahan Ayat		Menganalisis

PETUNJUK

SK- Standard Kandungan

SP - Standard Pembelajaran

DT - Dengar Tuter

BC - Bacaan

TU - Tulisan

SB - Seni Bahasa

TB - Tatabahasa

Teknik Bacaan

KWLH

Maksud KWLH

K	<i>Know</i>	Perkara yang sudah diketahui sebelum membaca.
W	<i>What</i>	Perkara yang hendak diketahui sebelum membaca.
L	<i>Learned</i>	Perkara yang dipelajari selepas membaca.
H	<i>How</i>	Cara untuk mendapat maklumat tambahan yang ingin diketahui (melalui bacaan seterusnya).

Langkah KWLH

- Catat maklumat di dalam lajur K carta KWLH berdasarkan tajuk dan subtajuk dalam teks.
- Bina soalan mengenai maklumat yang ingin diketahui tentang tajuk tersebut di dalam lajur W.
- Murid melakukan pembacaan. Semasa dan selepas membaca teks, murid mengisi maklumat ke dalam lajur L.
- Jika tidak semua jawapan bagi soalan di dalam lajur W terdapat dalam teks, (Lajur L), catat maklumat yang tidak dijawab di dalam lajur H berserta dengan cadangan sumber untuk mendapatkan jawapan.

K (Yang Diketahui)	W (Ingin Diketahui)	L (Dipelajari)	H (Bagaimana)

CHATT

Maksud CHATT

C	<i>Circle</i>	Bulatkan kata kunci.
H	<i>Highlight</i>	Serlahkan atau garis idea penting.
A	<i>Asterisk(*)</i>	Tandakan (*) pada isi sampingan/sokongan.
T	<i>Transfer</i>	Pindahkan maklumat ke dalam borang CHATT.
T	<i>Teacher</i>	Guru memberikan rumusan tentang rekod murid di dalam borang CHATT.

Jadual CHATT

Kata Kunci/Istilah

Imej

Definisi

Idea Utama

Idea Sampingan

Rumusan Guru

QUACK

Maksud QUACK		
Q	<i>Question mark (?)</i>	Letakkan (?) pada perkataan, rangkai kata, dan idea yang kabur serta tidak difahami.
U	<i>Underline</i>	Garisi takrif.
A	<i>Asterisk(*)</i>	Letakkan(*) pada maklumat atau idea yang penting atau menarik.
C	<i>Circle</i>	Bulatkan fakta dan definisi penting.
K	<i>Keyword</i>	Letakkan huruf besar K di sebelah kata kunci (biasanya berhuruf tebal atau condong).

ACID (*Agree, Confusing, Interesting, Disagree*)

Teknik ini menggalakkan pembaca membaca teks secara aktif. Interaksi dan fokus pembaca terhadap teks dikekalkan kerana pembaca perlu membuat pertimbangan tentang bentuk dan maklumat yang dibaca.

SQ4R (*Survey, Question, Reading, Record, Recite, Reflect*)

- Teknik ini mempunyai enam langkah, iaitu meninjau, menyoal, membaca, mencatat, menyatakan kembali dan membuat refleksi (Francis Robinson).
- Bersiap sedia sebelum membaca - prabaca (Meninjau, Menyoal).
- Melibatkan diri semasa bacaan - sambil membaca (Membaca, Mencatat).
- Memberikan reaksi selepas bacaan - (Menyatakan kembali, Membuat refleksi).

5W1H

Teknik asas dalam bacaan untuk dikembangkan kepada penyoalan yang lebih kompleks. Soalan 5W1H dalam bacaan yang digalakkan ialah penyoalan sendiri yang dilakukan murid untuk merangsang, memandu dan memantau pembacaan sendiri secara aktif

Contoh soalan 5W1H

- *Who* - Siapakah yang perlu memupuk perpaduan?
- *What* - Apakah kesan buruk jika kita boros dalam berbelanja?
- *When* - Bilakah kejadian itu berlaku?
- *Where* - Di manakah pertandingan kawad kaki itu diadakan?
- *Why* - Mengapakah kejadian ini berlaku?
- *How* - Bagaimanakah masalah disiplin murid dapat diselesaikan?

Langkah Teknik 5W1H

- Kemukakan enam soalan ini yang berkaitan dengan topik atau bahan yang dibaca pada waktu sebelum, semasa dan selepas pembacaan supaya bacaan sentiasa secara aktif dan terarah.
- Catat soalan dan jawapan kepada soalan-soalan tersebut sepanjang pembacaan.
- Kemukakan soalan-soalan tambahan yang sesuai untuk meneroka bahan bacaan secara intensif dan mengukuhkan pemahamannya tentang bacaan tersebut.

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

● Mengapakah kita perlu menjaga kesihatan diri?

● Bagaimanakah cara kita menjaga kebersihan persekitaran?

● Mengapakah kesihatan dan kebersihan penting kepada kita?

UNIT 1

Mendengar
dan Bertutur

Aktiviti

Utamakan Kesihatan



IMBAS SAYA

Dengar rakaman audio dan lihat gambar. Kemudian, sebut perkataan yang bercetak tebal dengan intonasi yang betul.

Apa Khabar?

Apa khabar, murid-murid? Cikgu harap kamu semua berada dalam keadaan **sihat**.

Khabar **baik**, cikgu. Kami **sihat**.

Wah, bagusnya! Kamu kelihatan **ceria** dan **segar**.

Bagus, Swee Lin. Kamu mesti menjadi murid yang **cergas**. Kesihatan juga mesti diutamakan.

Mestilah, cikgu. Minggu ini merupakan minggu pertama persekolahan. Saya tidak **sabar** hendak belajar.

Cikgu, apakah maksud **makanan seimbang**?

Terima kasih atas penjelasan ini, cikgu.

Makanan seimbang ialah makanan **berkhasiat** yang mengandungi **karbohidrat, protein, vitamin, dan** lain-lain. Makanan seimbang akan menjadikan kita **aktif** dan **bertenaga**.

1.1.1 Mendengar dan menyebut perkataan, istilah serta rangkai kata dengan betul dalam situasi.



Ucap Tahniah



Baca kad ucapan dengan sebutan dan intonasi yang betul serta lancar.

Kad Ucapan dan Penghargaan

Salam sejahtera,
Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kamu atas kejayaan menerima Anugerah 3K (Kesihatan, Kebersihan dan Keselamatan) Terbaik peringkat Negeri Johor. Cikgu berbangga atas kejayaan kamu.

Cikgu berharap agar kejayaan ini akan menjadi contoh kepada rakan-rakan lain. Cikgu yakin bahawa kamu mampu mengekalkan budaya mengutamakan kesihatan diri kerana badan yang sihat akan menjadikan otak kita cerdas. Di samping itu, cikgu juga berharap agar kamu dapat mengekalkan kecemerlangan dalam bidang akademik.

Tahniah sekali lagi kerana kamu merupakan murid contoh sekolah kita. Teruskan kecemerlangan kamu.

Cikgu berdoa semoga kamu sihat, ceria dan gembira berada di sekolah ini.

Ikhlas daripada,

Cikgu Mudzafar



Menulis

Sabar Menunggu



Aktiviti

Berdasarkan bahan di bawah, kenal pasti perkataan dan frasa. Kemudian, tuliskan dengan betul dan kemasnya.



3.1.1 Menulis **perkataan**, **frasa** dan ayat secara mekanis dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas.

Amalkan Gaya Hidup Sihat

PETUA MENCEGAH DIRI
DARIPADA PENYAKIT

- Ceriakan diri
- Kawal tekanan
- Rajin bersenam
- Makanan berkhasiat

Farmasi

Pastikan anda mendapat
ubat yang betul

Laporan
Kesihatan



Info Bestari

Perkataan ialah unit bahasa terkecil, bebas dan bermakna.

Frasa ialah gabungan dua perkataan atau lebih dan bermakna.



Sihat dan Ceria



1. Lafaz pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Persembahkan pantun dengan aktiviti yang sesuai.

Petua Menjaga Kebersihan


Pucuk saderi daun selasih,
Dibeli dari kedai Pak Hadi;
Kalau ingin cantik bersih,
Bangun tidur segeralah mandi.

Pucuk semalu di pangkal bertam,
Pokok dedalu di pohon kelapa;
Kalau malu bergigi hitam,
Gosok selalu usah dilupa.

Dari hulu pergi ke Bangi,
Singgah membeli pisang embun;
Jika mahu berbadan wangi,
Ketika mandi gunakan sabun.

Naik perahu ke Tanjung Pura,
Singgah sebentar di Tanjung Dahan;
Andai mahu hidup sejahtera,
Bertindak pintar akan kebersihan.

Nukilan,
Saiyidah Shamsudin
Bandar Baru Bangi.



Info Bestari

Pantun ialah sejenis puisi Melayu tradisional yang umumnya terdiri daripada empat baris. Baris pertama dan kedua disebut pembayang manakala baris ketiga dan keempat disebut maksud pantun.

- 4.1.1 Membaca dan memahami **pantun**, syair, sajak, cerpen serta novel dengan penuh penghayatan.



Kendera Saji



Kenal pasti kata nama dalam bahan di bawah. Kemudian, lengkapkan ayat dengan kata nama yang sesuai.



Kendera saji ialah kenderaan yang berfungsi seperti sebuah gerai makanan. Kenderaan ini merupakan sebuah lori yang diubah suai mengikut keperluan jenis perniagaan. Kini, kendera saji merupakan sebuah warung beroda yang boleh dibawa ke mana-mana.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewajibkan kualiti makanan yang dijual dalam kendera saji ini mestilah makanan yang berkhasiat dan bebas daripada bahan kimia. Peniaga kendera saji pula perlu memiliki sijil kesihatan yang sah bagi membuktikan peniaga berada dalam keadaan sihat, kemas, cergas dan ceria. Oleh sebab itu, peniaga kendera saji mestilah menjaga kebersihan dan kesihatan diri.

Lengkapkan ayat dengan kata nama yang sesuai.

1. Peniaga _____ perlu menjaga kebersihan diri.
2. Kandungan makanan _____ akan menentukan kualiti jualan.
3. Sijil _____ sangat penting kepada peniaga makanan.
4. Bahan kimia tidak elok kepada kesihatan _____.
5. Kita perlu mengutamakan _____ supaya hidup kita sihat.



Info Bestari

Kata nama ialah kata yang merujuk nama orang, tempat dan benda. Kata nama terbahagi kepada dua, iaitu **kata nama am** dan **kata nama khas**.



1. Susun semula huruf dan suku kata supaya menjadi perkataan yang betul.
2. Lengkapkan tempat kosong dengan menggunakan perkataan yang diberikan.

pi+hos+tal

nik+kli

bu+am+lans

wat+ru+ra+ju

tor+dok

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- sihat
- garam mineral
- seimbang
- protein
- kuat
- karbohidrat
- khasiat
- kalsium

Nama saya Vijay. Saya suka makan makanan yang mengandungi banyak _____. Sejak kecil lagi, saya dididik agar mengambil makanan yang _____. Makanan seimbang ialah makanan yang mengandungi _____, _____, _____, _____ dan sebagainya. Makanan seperti ini penting untuk tumbesaran dan membina tubuh badan yang _____. Tubuh yang _____ akan memberikan semangat kepada kita untuk belajar dengan lebih aktif.



Gaya Hidup Sihat

Dengar nasihat yang disampaikan oleh rakan anda dengan telitinya. Kemudian, sebut istilah tersebut dengan betul.

Nasihat Ceria



Cara menjaga kesihatan diri yang betul

- aktiviti kecergasan fizikal
- pemakanan seimbang
- menjaga kebersihan diri
- berehat secukupnya

Pilihan makanan seimbang

- makan makanan yang berkhasiat
- makan buah-buahan dan sayur-sayuran
- elak makanan yang banyak lemak
- banyakkkan minum air masak
- elak pengambilan air berkarbonat



Keindahan persekitaran

- menjaga kebersihan persekitaran
- menghormati jiran tetangga
- suasana hijau
- bersih, indah, dan sejahtera



1.1.1 Mendengar dan menyebut perkataan, **istilah** serta rangkai kata dengan betul dalam pelbagai situasi.



Pesan Nenek



1. Dendangkan syair dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Berdasarkan bahan, ceritakan semula cara menjaga kesihatan diri.

Amalan Terpuji

Dengarlah tuan nenek berpesan,
Nasihat ini jadikan pedoman,
Hidup sihat perlu diutamakan,
Rajinkan diri amal senaman.

Dengarlah tuan nasihat yang ada,
Hidup kita sihat sentiasa,
Janganlah leka janganlah lupa,
Berbuat baik sesama kita.

Andailah tuan sayangkan diri,
Usah diikut godaan hati,
Makanan seimbang amalan terperi,
Kelak hidup segak bestari.

Demikian nasihat ikhlas di hati,
Jaga kesihatan cergaskan diri,
Nasihat jangan dipandang sepi,
Kelak tuan merana diri.

Nukilan,
Shamsudin Othman
Ledang.




Info Bestari

Syair ialah sejenis puisi tradisional yang berasal dari tanah Arab.



- 2.1.2 Membaca dan memahami pantun, **syair**, sajak, dan lirik lagu secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar.





Rumpai Laut



1. Berdasarkan bahan di bawah, kenal pasti frasa yang digunakan.
2. Tulis ayat mudah dengan menggunakan frasa yang betul.



Rumpai laut ialah sejenis tumbuh-tumbuhan laut yang terdapat di perairan Sabah. Rumpai laut ini mempunyai banyak kebaikan kepada kesihatan manusia. Masyarakat Sabah menggunakan rumpai laut untuk menjaga kesihatan diri.

Bagi masyarakat Sabah, kebaikan rumpai laut sudah lama diketahui dan dijadikan sebagai bahan makanan serta produk kecantikan semula jadi.

Rumpai laut Sabah mempunyai kandungan kolagen asli yang murah dan berkesan. Banyak kebaikan yang diperolehi daripada kolagen ini. Antaranya:

- membuang toksin daripada tubuh manusia
- meningkatkan daya tahan pada sel kulit
- menyembuhkan luka dan jerawat muka
- mengurangkan masalah kulit seperti ekzema

Hari ini, rumpai laut Sabah sangat popular kerana mendapat permintaan yang tinggi. Rumpai laut ini boleh didapati dalam bentuk sabun, gel pembersih, bedak dan krim pencuci.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada "Rumpai Laut Sabah," *Buletin PBMP*, April 2018)

Lengkapkan ayat dengan frasa yang betul.

FN + FN

Rumpai laut _____

FN + FK

Masyarakat Sabah _____

FN + FK

Tumbuhan ini _____

FN + FSN

Kolagen asli _____



Info Bestari

Frasa ialah gabungan dua perkataan atau lebih yang berpotensi menjadi unit yang lebih besar. Frasa terbahagi kepada empat, iaitu frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA) dan frasa sendi nama (FSN).

- 3.1.1 Menulis perkataan, **frasa** dan ayat secara mekanis dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas.



Hidup Cergas



Baca cerpen di bawah. Jelaskan kepentingan menjaga kesihatan diri.

Terima Kasih, Alex Lee

Nukilan, Shamsudin Othman

Alex Lee ialah seorang murid kelas peralihan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pelangi. Dia seorang murid yang bijak, baik hati dan cerdas. Dia selalu mendapat tempat pertama dalam peperiksaan. Kawan-kawannya sentiasa kagum dan bangga mempunyai kawan seperti Alex Lee.

Dia sering datang awal ke sekolah. Di sekolah, dia sentiasa cergas menjalankan aktiviti-aktiviti sekolah. Semua kerja sekolah yang diberikan oleh cikgu dibuatnya dengan sempurna. Dia juga aktif dalam kokurikulum. Dia banyak mewakili sekolah hingga ke peringkat negeri dalam beberapa pertandingan yang disertainya.

Rakan-rakan Alex Lee selalu bertanya tentang petua untuk menjadi seorang yang bijak, cerdas dan cergas.

“Bagaimana awak selalu kelihatan ceria?” tanya Kavita sahabatnya.

“Kita mestilah sentiasa menjaga kesihatan,” jawab Alex Lee.

“Patutlah, awak sentiasa aktif dalam bersukan atau ketika belajar. Apakah petua yang awak gunakan, Alex?” tanya Sofian pula.

“Untuk pengetahuan awak, Sofian, saya selalu makan makanan yang berkhasiat. Makanan seimbang akan menyebabkan otak kita cerdas.”



“Wah, seronoknya kami mendengar nasihat awak ini, Alex! Selepas ini kami akan pastikan kami mengikut amalan kesihatan awak ini,” jelas Kavita sambil mengeluarkan minuman berkarbonat daripada beg sekolahnya.

“Kavita, elakkan minum minuman berkarbonat. Tidak baik untuk kesihatan kita. Air berkarbonat mengandungi banyak kandungan gula. Bahaya kepada tubuh manusia,” nasihat Alex Lee kepada Kavita.

“Tetapi..., air ini sedap,” Kavita merayu.

“Sedap tetapi kalau membahayakan kesihatan tidak berguna. Kita perlu bijak untuk mengambil makanan yang berkhasiat.”

“Terima kasih, Alex atas nasihat yang berguna ini.”



Bertanya Khabar



1. Kenal pasti jenis kata ganti nama diri dalam bahan.
2. Dengan menggunakan kata ganti nama yang sesuai, jelaskan sebab kita perlu menjaga kesihatan diri.

Mei Ling,
awak apa khabar?



Hai, Kumaresan.
Saya baik-baik sahaja.

Wah, sejak cuti sekolah
ini, kita jarang bertegur
sapa, ya!

Saya dengar awak berjumpa
dengan Salina. Di manakah dia
sekarang? Adakah dia sudah
sembuh daripada sakitnya?



Ya, betul. Sejak dia berpindah
ke Negeri Sembilan, kita terus
terputus hubungan dengannya.
Saya mendapat berita bahawa
dia kini sudah pulih.

Semoga sahabat kita
itu segera sembuh
sepenuhnya.



Info Bestari

Kata ganti nama ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama diri. Contohnya saya, awak, dia, mereka, kalian, beta, baginda dan lain-lain.

Yalah, saya memang sibuk
dengan kelas aerobik. Maklumlah
hendak menjaga kesihatan.



Saya pun mendapat
berita, bahawa dia sudah
pulihan. Semenjak itu, ibu
dan ayahnya sentiasa
menjaga kebersihan
mereka sekeluarga.



Kita juga kena menjaga gaya
pemakanan kita supaya terus sihat.
Awak pun perlu diet supaya tidak
kelihatan gemuk.

Baiklah, Mei Ling. Saya akan pastikan
saya sihat dan segar setiap hari.



5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dan **kata ganti nama** dengan betul mengikut konteks.



Isi petak kosong dengan huruf yang sesuai bagi membentuk perkataan yang betul dan tepat.

1		b		t		
2		y			p	
3	s		b			
4	m		n		r	
5	b		d			
6			g			g
7		t		k		
8	f		r			s



Panduan

1. Penawar penyakit.
2. Digunakan untuk mencuci rambut.
3. Digunakan untuk mencuci badan ketika mandi.
4. Air _____ penting kepada tubuh manusia.
5. Warna putih seperti tepung tetapi berbau harum.
6. _____ banyak mengandungi protein.
7. Badan sihat _____ cergas.
8. Tempat ubat dan bahan-bahan perubatan disediakan.



Berdasarkan maklumat, hasilkan satu poster berkaitan dengan kesihatan.



Maklumat Poster

- **Tajuk Poster:**
- **Cogan kata/moto/slogan:**
- **Aktiviti:**
 - Membersihkan kawasan
 - Mencantas pokok
 - Memotong rumput
 - Menanam bunga



1. Dengar petikan berita dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti rangkai kata bercetak tebal yang terdapat dalam petikan.
2. Berikan makna rangkai kata tersebut.

Sekolah dalam Taman

SELANGOR, 10 April – Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16, Shah Alam telah berjaya memenangi Anugerah **Sekolah dalam Taman**. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk memastikan kawasan sekolah sentiasa bersih, menarik dan indah. **Pengetua sekolah** memberitahu bahawa pertandingan ini merupakan aktiviti tahunan yang melibatkan semua **warga sekolah** dan masyarakat setempat.



Pertandingan yang bermula sejak awal tahun itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada banyak sekolah. Antara objektif pertandingan ini adalah untuk melaksanakan **amalan kitar semula**, mencipta taman sains dan meningkatkan kebersihan tandas sekolah. Kebersihan dan keindahan sangat penting kerana dapat **menghijaukan persekitaran**.

Pertandingan ini juga telah berjaya mewujudkan semangat kerjasama antara kaum di samping sikap cinta akan negara.



Info Bestari

Rangkai kata ialah gabungan dua perkataan atau lebih yang membawa makna tertentu.

- 1.1.2 Mendengar dan menyatakan makna perkataan, istilah, serta **rangkai kata** dengan betul dalam pelbagai situasi.



Indahkan Bumi



Baca cerpen dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Piring Ajaib

Nukilan, Salmiah Jalil

Kapal angkasa berbentuk piring itu berlegar-legar di udara. Kapal yang dipenuhi cahaya pelbagai warna itu terapung-apung di langit. Suasana malam yang pekat menyebabkan cahaya yang bersinar daripada kapal itu sangat cantik. Kapal itu kian lama kian besar pada pandangan Remy Silva. Dia mula berfikir ada sesuatu perkara yang bakal terjadi. Remy Silva memberanikan diri.

Dia terus melihat pergerakan kapal itu. Sesekali ada lintasan cahaya yang menyilau mata Remy Silva. Begitu pun, Remy Silva tetap setia mengintai kapal itu dari tingkap biliknya. Remy Silva, murid berusia tiga belas tahun itu tidak berasa gentar. Kapal angkasa itu benar-benar berada di depannya. Dia merenung kapal itu sambil bersedia dengan apa-apa kemungkinan yang bakal terjadi.

Sesekali kapal itu mengeluarkan cahaya yang sangat terang kemudian menyuluh ke satu kawasan kilang yang tidak jauh dari rumahnya.

Kilang itu ialah kilang pelupusan sampah yang mengeluarkan bau busuk ketika hujan. Selama ini, bau busuk itu telah menyebabkan penduduk setempat marah dan tidak puas hati.

“Ibu!” jerit Remy Silva memanggil ibunya yang sedang bersiap-siap untuk tidur.

“Kenapa Remy, ada apa tu?”

2.1.1 Membaca teks prosa secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lancar.



“Ada kapal angkasa ibu. Cepat, cepat!”

“Eh, kapal angkasa itu makan semua sampah yang kotor itu!”

Mereka berdua melihat kapal angkasa itu mengeluarkan beberapa corong yang panjang seperti belalai gajah. Corong itu menyedut semua kekotoran yang ada di kawasan kilang itu sehingga dengan sekelip mata kawasan itu menjadi bersih dan berbau harum.

“Yalah, Remy. Kapal itu seperti tidak suka kepada kekotoran dan bau busuk,” jawab ibu Remy Silva.

Beberapa minit kemudian kapal angkasa itu terbang semula ke langit. Peristiwa aneh itu benar-benar menjadi pengalaman menarik buat Remy Silva dan ibunya.



Hidup Ceria



Berdasarkan bahan, sila tulis kembali perkataan yang dibaca dengan tepatnya.

Amalan 5S

Kebersihan sangat penting dalam kehidupan manusia. Mari kita membudayakan Amalan 5S agar hidup kita disenangi oleh masyarakat.

SUSUN

Menyusun dan menyimpan barang dengan kemasnya, mudah diambil dan disimpan semula.



SAPU

Mencuci tempat kerja dengan rapinya supaya tidak ada habuk, kotoran di lantai, mesin, dan peralatan.



SERAGAM

Memelihara kebersihan dan membuat penyusunan sepanjang masa.



SISIH

Sisih barang yang tidak diperlukan di tempat kerja dan buang secara sistematik.



SENTIASA AMAL

Berdisiplin dan melatih pekerja mematuhi peraturan dan mengamalkan budaya kualiti di tempat kerja.



(Sumber: Panduan Amalan 5S Sektor Awam (MAMPU), 2010)



Negeri Indah Permai



Deklamasi sajak di bawah. Kemudian, berikan pendapat tentang kebersihan di tempat anda.

Tanah Airku

Inilah tanah airku
tanah permai tempat rakan bermain
mengetahui baiknya sahabat
mengetahui baiknya jiran tetangga
hidup saling membantu
ketika ingin menjadi dewasa.

Inilah tanah airku
sungai yang jernih
udara yang dingin
gunung yang menghijau
rimba yang indah
semuanya mendamaikan.

Oh, tanah airku!
keindahanmu tetap segar
dalam ingatan.

Nukilan,
Shamsudin Othman
Universiti Putra Malaysia

4.1.1 Membaca dan memahami pantun, syair, **sajak**, cerpen serta novel dengan penuh penghayatan.



Kebersihan Imej Kita



Kenal pasti kata kerja dan bina ayat daripada paparan bahan.



Saya selalu menjaga kebersihan diri. Penampilan diri saya menjadi tumpuan dan tarikan murid sekolah. Oleh sebab itu, saya akan sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan supaya berada dalam keadaan baik.

Puan Low Yoke Ken
Pengetua Sekolah

Saya mewakili Persatuan Ibu bapa dan Guru ingin menyeru supaya murid-murid mengamalkan budaya bersih dan sihat ketika belajar. Oleh sebab itu, murid-murid mesti menjaga kebersihan bilik darjah agar dapat belajar dengan selesanya.

Encik Mohd Izani bin Awang
Yang diPertua PIBG



Pekerja yang sihat dan bersih akan dapat menghasilkan mutu kerja yang baik. Oleh sebab itu, sebagai seorang pengusaha kantin sekolah, saya akan berusaha menyediakan makanan yang bersih, berkhasiat dan enak dengan harga yang berpatutan.

Puan Foo Yoke Chan
Pengusaha Kantin Sekolah

Kebersihan sangat penting kepada kita. Saya dan rakan-rakan selalu mengutip sampah di kawasan sekolah. Kami akan memastikan sampah dibuang di tempat yang disediakan.

Keerthanaa a/p Marimuthu
Murid Sekolah



Info Bestari

Kata kerja ialah kata yang menerangkan gerak laku atau sesuatu perbuatan. Kata kerja terbahagi kepada dua, iaitu **kata kerja transitif** dan **kata kerja tak transitif**.

5.1.2 Memahami dan menggunakan **kata kerja** dengan betul mengikut konteks.



Susun perkataan supaya menjadi ayat yang lengkap.



- 1 Orang bersih hatinya baik
- 2 sangat dalam penting Kebersihan kehidupan
- 3 rakyat Negara maju memerlukan sihat yang
- 4 kejayaan terletak ikatan Kunci kerjasama negara pada
- 5 mengutip yang tempat Saya sampah awam di terdapat



Kenal pasti kata kerja dalam petikan. Kemudian, berikan makna perkataan tersebut.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Pada hari ini, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, “Kebersihan Sekolah Tanggungjawab Kita”.

Hadirin sekalian,

Sekolah yang bersih menjadi impian semua guru dan murid. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh semua pihak untuk memastikan persekitaran sekolah berada dalam keadaan bersih. Antara aktiviti yang sering dijalankan termasuklah Pertandingan Kelas Terbersih. Selain dapat mewujudkan suasana kelas yang ceria, usaha ini juga dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid.

Sebagai murid, kita perlu sedar bahawa kawasan yang perlu dibersihkan oleh seseorang pekerja itu sangat luas. Oleh sebab itu, kita perlu turut sama membantu mereka untuk mencantikkan sekolah kita. Segala kemudahan seperti penyapu dan tong sampah yang mencukupi telah disediakan

di dalam setiap kelas. Sebagai murid yang bertanggungjawab, segala kotoran dan sampah sarap perlu disapu dan dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada rakan-rakan, marilah sama-sama kita menjaga kebersihan di kawasan sekolah. Sesungguhnya, menjaga kebersihan merupakan amalan mulia dan harus dimanfaatkan oleh setiap insan.

Sekian, terima kasih.



KESELAMATAN



- Nyatakan maksud simbol keselamatan yang anda tahu.
- Apakah faedah mengetahui maksud sesuatu simbol keselamatan?
- Siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan murid di sekolah?
- Bagaimanakah kempen keselamatan boleh diterapkan dalam kalangan murid?



Berwaspada Selalu



1. Lihat gambar, kemudian dengar dan fahami arahan yang disampaikan oleh guru anda.
2. Nyatakan semula arahan yang terdapat dalam perbualan.

Jom, ke Padang

Keselamatan di Padang

- ❑ Murid-murid dilarang bermain atau menjalankan aktiviti di padang tanpa pengawasan guru.
- ❑ Murid-murid dinasihatkan memakai kasut ketika menjalankan aktiviti di padang.
- ❑ Pakai pakaian sukan atau pakaian yang sesuai ketika melakukan aktiviti sukan.
- ❑ Tidak membawa barang berharga.
- ❑ Semua aktiviti sukan hendaklah dihentikan sekiranya hujan atau cuaca buruk.
- ❑ Sebarang kecederaan atau kemalangan hendaklah dilaporkan kepada guru dengan segera.
- ❑ Kumpul semua peralatan yang telah digunakan dan simpan di tempat yang ditetapkan.
- ❑ Jangan membuang sampah di merata-rata tempat.

1.2.1 Mendengar dan menyebut maklumat yang terdapat dalam **arahan**, pesanan serta pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.

Selamat pagi, cikgu.

Apakah peraturannya, cikgu?

Mengapakah kami perlu memakai pakaian sukan yang lengkap, cikgu?

Kami faham, cikgu.

Baik, cikgu. Nanti kami akan kumpulkan peralatan dan akan mengutamakan keselamatan.

Selamat pagi, murid-murid.

Sebelum memulakan latihan, cikgu mahu kamu mematuhi peraturan ketika berada di padang.

Kamu mesti memakai pakaian sukan yang lengkap untuk memudahkan pergerakan kamu ketika bersukan.

Pakaian sukan yang lengkap akan mengelakkan kamu daripada sebarang kecederaan. Kalau kamu tercedera, cepat-cepat beritahu cikgu.

Jangan lupa kumpulkan semua peralatan sukan sebelum kamu meninggalkan padang. Ingat, keselamatan diri harus diutamakan.



Eksplorasi Minda

Bincangkan amalan baik lain yang harus dilakukan oleh seseorang murid di sekolah.



Dengar Nasihat Cikgu



1. Lafaz pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Persembahkan pantun secara kreatif.

Nasihat Berguna

Turun ke laman bawa manisan,
Bawa sekali inti kelapa;
Wahai teman saya berpesan,
Keselamatan diri usah dilupa.

Hinggap di dahan burung kenari,
Berkicau riuh si murai rimba;
Jalan perlahan usah berlari,
Bimbang terjatuh sakit pun tiba.

Berdayung sampan mencari lokan,
Bawa bekalan berisi halia;
Duduk bersopan ketika makan,
Itulah amalan pekerti mulia.

Kayu balak di tepi kali,
Dibuat rakit buluh bertindan;
Bertolak-tolak jangan sekali,
Kelak sakit seluruh badan.

Pergi ke Kukup bawa tenunan,
Singgah menjaja di Tanjung Pelepas;
Perlu ditutup semua makanan,
Hindari bahaya lalat dan lipas.

Nukilan,
Syara Zulaikha
Tanjung Malim.

2.1.2 Membaca **pantun**, syair, sajak dan lirik lagu secara mekanis dengan sebutan, dan intonasi yang betul serta lancar.



Celik Peraturan



Berdasarkan petikan, imlak satu perenggan yang dibacakan dengan tepatnya.



Makmal komputer merupakan satu kemudahan yang disediakan di setiap sekolah. Sebuah makmal komputer yang lengkap mengandungi komputer, mesin pencetak, mesin pengimbas dan pelbagai bahan yang diperlukan bagi kegunaan murid.

Ketika berada di makmal komputer, murid perlu menjaga keselamatan diri dan keselamatan peralatan komputer. Sebagai contoh, murid tidak dibenarkan memasuki makmal komputer dan menggunakan mana-mana peralatan tanpa pengetahuan guru. Hal ini penting untuk memastikan tidak ada kejadian yang tidak diinginkan berlaku semasa murid menggunakan kemudahan di dalam makmal komputer.

Murid-murid juga tidak dibenarkan berbuat bising, berlari-lari atau bermain-main di dalam makmal komputer. Kecuaian diri sendiri bukan sahaja menyebabkan murid terdedah kepada bahaya malah boleh merosakkan komputer tersebut.

Kesimpulannya, semua murid harus berwaspada ketika berada di dalam makmal komputer. Pengguna yang bijak ialah mereka yang dapat menggunakan segala peralatan dan kemudahan secara berhemah.





Beringat Sebelum Kena



1. Baca dan fahami petikan cerpen.
2. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menjaga keselamatan diri? Bincangkan dengan menggunakan teknik meja bulat.

Jagalah Diri

Nukilan, Sofia Zulaikha

“Kamu belum balik lagi, Lilian? Sudah hampir pukul 2:30 petang ni,” soal Cikgu Nancy. Cikgu Nancy baru sahaja melakukan rondaan di sekeliling kawasan sekolah. Selaku Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), sudah menjadi tugasnya memantau keselamatan kawasan sekolah.

“Belum, cikgu. Saya sedang menunggu ibu saya. Lewat pula ibu menjemput saya hari ini. Saya pun tidak pasti sebab ibu lewat hari ini.”

“Kalau begitu, lebih baik awak duduk di dalam kawasan sekolah. Jangan bersendirian di luar pagar sekolah. Banyak bahaya yang menanti.”

“Apakah maksud cikgu?”

“Maksud saya, keselamatan diri murid sangat penting. Jangan biarkan diri kita terdedah kepada bahaya. Yang penting jangan mudah terleka. Kes penculikan banyak berlaku. Jika kamu berada dalam kawasan sekolah, keselamatan kamu akan terjamin.”

“Oh, baru saya faham! Ibu saya juga selalu berpesan supaya tidak berbual atau mudah percaya dengan orang yang tidak dikenali.”

“Cikgu pun masih belum balik lagi?” soal Lilian.

“Cikgu sedang meronda tadi dan ternampak kamu di sini.”

Seketika kemudian, sebuah kereta berhenti berhampiran pintu pagar sekolah. Seorang wanita keluar dari kenderaan tersebut. Wanita itu berjabat tangan dengan Cikgu Nancy.

“Ini ibu saya. Saya pulang dulu, cikgu,” ujar Lilian lantas menuruti ibunya.





Ambil Tahu



1. Perkataan yang dicetak tebal ialah kata kerja. Kenal pasti kata kerja lain yang terdapat dalam petikan.
2. Isi tempat kosong dalam perbualan dengan kata kerja yang betul.

Langkah-langkah Mewujudkan Sekolah Selamat

Menyediakan alat kawalan kebakaran

- Dapat **mengelakkan** kebakaran merebak ke tempat lain.
- Murid-murid hendaklah dilatih menggunakan peralatan tersebut.
- Alat kawalan kebakaran hendaklah diperiksa dan **digantikan** jika rosak.

Mempamerkan tanda amaran

- Mudah dilihat dan **dibaca** supaya dapat memberikan kesedaran kepada murid.
- Murid-murid akan lebih berhati-hati.
- Kemalangan di kawasan sekolah dapat **dielakkan**.

Meningkatkan kawalan keselamatan

- Pintu pagar sekolah dijaga dan dikawal setiap masa.
- Pondok pengawal dibina untuk menempatkan pengawal keselamatan.
- Keselamatan murid-murid terjamin sewaktu **datang** dan **pulang**.

Menyediakan pelan kecemasan

- Ditampal dan mudah dilihat.
- Pihak sekolah perlu mengadakan latihan kebakaran.
- Warga sekolah **bersedia** menghadapi kecemasan.

menyediakan

datang

dengar

berguna

berada

pulang

dijaga

meningkatkan

Ravi: Ceramah bertajuk Sekolah Selamat yang kita _____ tadi sangat menarik. Banyak info _____ kepada murid-murid dan warga sekolah.

Danial: Betul kata awak, Ravi. Pihak sekolah perlu _____ kawalan keselamatan murid-murid semasa _____ di sekolah.


Ravi: Ya. Sebab itulah pintu pagar sekolah _____ setiap masa. Keselamatan murid-murid terjamin sewaktu _____ dan _____ dari sekolah.

Danial: Benar kata kamu, Ravi. Pihak sekolah juga telah _____ alat kawalan kebakaran di setiap lokasi tertentu.

Ravi: Semuanya demi keselamatan warga sekolah.



1. Teliti bahan yang disediakan.
2. Masukkan abjad dalam petak yang disediakan.



Blok Anggerik

- Pejabat Pengurusan
 - Bilik Guru
- Bilik Kaunseling
- Bilik Kesihatan
 - Kelas



Blok Melati

- Makmal Sains
- Bilik Pertukangan
 - Bilik ERT
 - Bilik Muzik
- Makmal Komputer

Blok Dahlia

- Bilik Kurikulum
 - Koperasi
 - Bilik Mesyuarat
- Pusat Sumber Sekolah
 - Kelas

Blok Orkid

- Kelas PPKI
- Bilik Disiplin
- Bilik SPBT
- Bilik PSV
 - Kelas

Langkah-langkah Keselamatan di Sekolah


- A Sila simpan semula peralatan sukan yang telah digunakan.
- B Tempat berkumpul semasa berlakunya kebakaran.
- C Pelawat dikehendaki melaporkan diri di sini.
- D Dilarang berada di sini tanpa pengawasan guru.
- E Sila beratur ketika membeli makanan.
- F Tempat rujukan ibu bapa sekiranya mempunyai sebarang masalah berkaitan dengan anak mereka.



Lihat gambar dengan telitinya dan nyatakan pesanan yang terdapat dalam gambar.

Kasih Ibu

Pada suatu petang, Hana pergi berenang bersama-sama kawannya di sebuah kolam renang. Ibunya, Puan Adibah telah menghantar pesanan menerusi aplikasi WhatsApp sebagai peringatan kepada anaknya.



1.2.1 Mendengar dan menyebut maklumat yang terdapat dalam arahan, **pesanan** serta pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.



Sayangi Diri



1. Dendangkan syair dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Persembahkan syair secara kreatif.

Jauhi Kebakaran

Aduhai rakan saya sampaikan,
Satu panduan juga ingatan,
Banyak punca timbul kebakaran,
Keselamatan diri jadi taruhan.

Litar pintas sering terjadi,
Akibat alpa kecuaiian diri,
Didiklah diri berhati-hati,
Selamat jiwa harta tak rugi.

Kebakaran hutan bahayakan petani,
Unggas dan haiwan menyelamatkan diri,
Cegah kebakaran tindakan bestari,
Indah alam hidup harmoni.

Lilin dan mancis juga pelita,
Tidak diduga menjadi punca,
Elakkan diri jangan terleka,
Moga terhindar segala bencana.

Ikhlas nasihat saya berikan,
Buat tatapan juga pedoman,
Segala saranan jadi ingatan,
Kelak hidup tiada sesalan.

Nukilan,
Zaihanim Zainal Abidin
USJ 4, Subang Jaya.



Keselamatan di Tempat Awam



Berdasarkan gambar, bina ayat tunggal dan ayat majmuk.

Contoh ayat:

Mei Ling menaiki tangga bas dengan berhati-hati.



bas

hijau

menaiki



taman

basikal

merah



motosikal

lelaki

jalan raya



eskalator

ibu

pusat beli-belah



Info Bestari

- Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat sahaja.
- Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau predikat

3.3.1 Membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.



Biar Lambat Asalkan Selamat



1. Baca dan fahami petikan novel.
2. Ceritakan semula dengan menggunakan kaedah kerusi panas.



Aku dan Duniaku

Nukilan, Zaihanim Zainal Abidin

Jarum jam menunjukkan pukul 7:16 pagi. Kami bertiga bersalaman lalu mencium tangan ayah dan emak. Walaupun ayah memiliki kereta, ayah tidak mahu memanjakan kami. Ayah mahu kami berdikari. Ayah mahu kami menaiki basikal ke sekolah. Kami bertiga tidak kisah dengan peraturan ayah itu. Aku memang suka menunggang basikal. Cuma yang berbeza, basikalku lebih buruk berbanding dengan basikal Kak Long dan Abang Ngah.

Akibatnya aku sering terlambat. Kak Long dan Abang Ngah akan mengayuh basikal mereka laju-laju. Aku sering tertinggal di belakang. Tidak mengapalah, aku tidak kisah. Aku tidak suka menunggang basikal laju-laju, nanti aku jadi penat. Akibatnya, baju aku dibasahi peluh. Walaupun waktu masih pagi, tetapi badanku sudah berbau masam.

Lagipun, ayah selalu berpesan, kalau menunggang basikal terlalu laju akan membahayakan diri sendiri. Yang penting sampai tepat pada masanya ke sekolah. Ayah selalu mengusap kepalaku ketika memberikan nasihat.

Sedar tidak sedar, aku tiba juga ke sekolah. Kak Long dan Abang Ngah telah berlalu masuk ke perhimpunan sekolah.

Pagi itu, guru disiplin mengingatkan murid-murid agar menjaga keselamatan diri ketika menunggang basikal ke sekolah. Kata cikgu, malang tidak berbau. Murid-murid perlu menghargai diri sendiri dan tidak mengikut kata hati. Aku semat segala nasihat cikgu ke dalam sanubari.

Petang itu, sewaktu pulang dari padang, aku terus mendapatkan ayah. Ayah sedang menunggu kepulanganku. Kak Long dan Abang Ngah juga ada bersama-sama ayah dan emak.

“Wah, basikal baharu! Basikal milik siapa ini, ayah?” soalku lagi. Alangkah bagusnya jika basikal itu milik aku. Namun, aku yakin bahawa basikal ini milik Abang Ngah. Kelihatan Abang Ngah memegang basikal tersebut sambil tersenyum memandangkanku.

“Basikal ini hadiah ayah untuk Irfan kerana mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan baru-baru ini.”

Aku terkejut mendengar kata-kata ayah. Aku seolah-olah tidak percaya apabila melihat sebuah basikal idamanku berada di depan mata.

“Terima kasih, ayah. Basikal ini memang idaman Irfan. Boleh Irfan bawa basikal ini ke sekolah?”

“Boleh, cuma kamu perlu berhati-hati ketika menunggang basikal. Keselamatan jangan diabaikan. Mulai hari ini, ayah mahu anak-anak ayah memakai topi keselamatan, pelindung siku dan lutut.”



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada novel *Aku dan Duniaku* karya Zaihanim binti Zainal Abidin)



Unit HAZMAT dan CBRNe



Bina ayat berdasarkan kata adjektif yang terdapat dalam gambar.

Keselamatan

TEMA 2



Berani

Menyelamatkan nyawa manusia dan harta benda.



Pantas

Mengendalikan tumpahan bahan kimia berbahaya.

Menangani kebocoran radiasi.



Cekap

Memadamkan api yang mempunyai unsur kimia berbahaya.



Bijak



Mahir

Menangani bahan berbentuk kimia, biologi, radiologi dan nuklear.



Info Bestari

Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu benda, orang, tempat dan sebagainya. Kata adjektif terdiri daripada beberapa jenis, iaitu sifat atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan dan pancaindera.



Info Bestari

Unit HAZMAT ialah singkatan bagi perkataan *Hazardous Material Unit Team*, iaitu unit khas yang ditubuhkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi menangani bahaya kimia. CBRNe ialah singkatan daripada *Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and explosives*.

5.1.3 Memahami dan menggunakan kata adjektif dengan betul mengikut konteks.



Cari dan senaraikan kata adjektif yang tersembunyi.



keruh

surut

mendung

deras

cetek

tinggi

laju

besar

penuh


rendah

lebat

sedih



Lihat gambar dan baca petikan. Kemudian, bina ayat tunggal berdasarkan perkataan yang bergaris.



Awas, Arus Karau!

Arus karau ialah arus kuat yang boleh menarik seseorang dari pantai secara tiba-tiba. Arus ini juga boleh menyebabkan kawasan yang tohor akan menjadi dalam secara tiba-tiba. Keadaan ini bergantung pada tahap lembut pasir di kawasan pantai tersebut. Selain itu, pihak berkuasa menasihati pengunjung agar berhati-hati ketika berada di kawasan pantai kerana individu yang pandai berenang juga pasti berasa panik apabila arus karau terjadi. Pengunjung yang sedang gembira bermain air boleh berubah menjadi duka sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku. Walau apa jua keadaan, pengunjung perlu cepat bertindak agar kejadian lemas tidak berlaku.

(Sumber: www.utusan.com.my)



1. Teliti maklumat pada bahan.
2. Lakonkan situasi bersama-sama rakan anda.

Faham Sebelum Guna

Ibu Haikal demam. Haikal mahu memberi ubat kepada ibunya. Dia meneliti sampul ubat sebelum diberi kepada ibunya.

Nama dan alamat pihak pembekal/penjual (hospital, klinik atau farmasi)

Nama pesakit

Cara pengambilan ubat yang lengkap

Nama penuh ubat

KLINIK FAIZ
Jalan Utara, 579007, Kelang. Tel: 03-56889800

NAMA : Noraini binti Abu Bakar TARIKH : 20 April 20

AMBIL : Biji Kali sehari

selepas makan 30 minit sebelum makan atau 2 jam selepas makan
 Apabila perlu

Indikasi
 Demam / Tahan Sakit Selsema / Alahan Antibiotik Kencing Manis
 Darah Tinggi Kolesterol

NAMA UBAT : **Paracetamol 500mg**
 UBAT TERKAWAL JAUHI DARIPADA KANAK - KANAK



Info Bestari

Ubat dihasilkan dalam pelbagai bentuk sediaan seperti tablet, krim dan sebagainya. Bentuk sediaan yang berlainan mempunyai cara pengambilan yang berbeza.

Arahan keselamatan
"JAUHI DARIPADA
KANAK-KANAK"

1.2.2 Menyampaikan maklumat yang terdapat dalam arahan, pesanan dan pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.



Strok Haba



Baca bahan dengan telitinya dan berikan makna rangkai kata dengan merujuk glosari dan kamus.



Definisi

Paras suhu badan lebih daripada 40°C.

Punca

- pendedahan berpanjangan kepada cuaca dan suhu panas.
- kurang minum air dan dehidrasi badan.

Tanda-tanda Awal

- sakit kepala.
- mual.
- kurang berpeluh walaupun dalam suhu panas.
- denyutan nadi yang pantas.

Tanda-tanda Lain

- lemah dan kejang otot.
- muntah-muntah.
- kulit kering dan kemerahan.
- sawan.
- pitam.

Langkah-langkah

- membawa pesakit ke tempat teduh atau berhawa dingin.
- mengelap anggota badan menggunakan tuala basah.
- berendam dalam air.

Nasihat kepada Orang Ramai

- elak daripada melakukan aktiviti riadah yang terdedah kepada cuaca panas.
- minum air sekurang-kurangnya 2.5 liter sehari.



Info Bestari

Strok Haba berlaku apabila sistem tubuh badan tidak dapat mengawal suhu badan secara normal. Strok haba terjadi apabila paras suhu badan meningkat melebihi 40.5 darjah celsius. Sekiranya tidak dikawal, strok haba boleh menyebabkan kematian atau hilang keupayaan kekal.

2.2.1 Membaca, memahami, menyatakan makna perkataan dan rangkai kata dengan merujuk glosari, **kamus** serta tesaurus dengan betul dan tepat.

Tip untuk kekal sihat pada musim panas.



Banyakkan minum air.



Minum minuman isotonik untuk menggantikan garam yang hilang akibat berpeluh.



Banyakkan makan buah-buahan berjus.



Lebihkan masa berada di dalam rumah dan hadkan aktiviti luar.



Pakai topi atau payung untuk mengelak daripada pancaran haba terus ke badan kita.



Pakai pakaian yang nipis, berwarna terang dan longgar.



Kurangkan minum minuman berkafein dan bergula.



Tidak berada di dalam kenderaan yang bertutup tanpa pendingin hawa.



Pakai losen pelindung suria melebihi SPF 30.



Guna kipas atau pendingin hawa untuk menyejukkan badan.

(Sumber: www.myhealth.gov.my)



Hindari Jenayah



Jawab soalan pemahaman yang diberikan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk.

Keselamatan di Rumah



Encik Raymond dan isterinya, Puan Elina akan bercuti ke Sabah. Sebelum meninggalkan rumah, mereka memastikan rumah yang ditinggalkan berada dalam keadaan selamat. Puan Elina menyimpan semua barang berharga di tempat yang selamat. Sebahagian daripada barang berharga disimpan di dalam bank. Encik Raymond mengunci semua tingkap dan pintu. Encik Raymond juga memastikan semua suis utama telah dimatikan. Puan Elina bertemu dengan Puan Aida, jiran mereka. Puan Elina memaklumkan kepada Puan Aida bahawa mereka akan meninggalkan rumah selama beberapa hari. Puan Aida berjanji akan memastikan keselamatan rumah jirannya terjamin. Puan Elina berterima kasih kepada Puan Aida kerana sudi memantau rumahnya sewaktu ketiadaannya nanti.

Soalan pemahaman.

1. Apakah yang dilakukan oleh Encik Raymond dan isterinya sebelum keluar dari rumah?
2. Di manakah barang-barang berharga harus disimpan?
3. Mengapakah Puan Elina memberitahu jirannya bahawa mereka akan bercuti?
4. Pada pendapat anda, selain memberitahu jiran, kepada siapakah harus kita maklumkan agar kediaman kita selamat?



Pantas Macam Kilat



1. Kenal pasti bandingan semacam yang terdapat dalam bahan tersebut.
2. Bina ayat untuk menggambarkan situasi menggunakan bandingan semacam.

Ayah, apakah kepentingan kamera litar tertutup?

Apakah maksud ayah?

Kalau begitu pujian harus diberikan kepada pencipta alat ini.

Pencipta alat ini bijak macam pendeta kerana dapat menghasilkan barang yang sangat bermanfaat.

Banyak kepentingannya. Salah satu kegunaan kamera litar tertutup adalah sebagai alat pencegahan jenayah.

Maksud ayah, sesetengah premis dan rumah menggunakan kamera tersebut bagi mengurangkan risiko dicerobohi. Dengan adanya kamera litar tertutup tersebut, penjenayah pasti berasa takut macam tikus sekiranya kegiatan mereka terbongkar.

Mengapakah Adli berkata begitu?

Betul kata Adli. Walaupun pergerakan yang dilakukan pantas macam kilat, kamera tersebut mampu merakamkan aktiviti pelaku.



Info Bestari

Bandingan semacam ialah bahasa kiasan yang digunakan untuk menyatakan perilaku, perangai atau sifat seseorang sejajar dengan benda yang dibandingkan.

Sedia Membantu



Aktiviti

Kenal pasti kata adjektif yang terdapat dalam bahan. Ceritakan semula peristiwa yang berlaku dengan menggunakan kata adjektif yang sesuai.

Saya berasa gembira kerana dapat bergotong-royong dengan semua penduduk kampung. Suasana sangat meriah.

Betul kata awak, Sim. Kerja yang sukar menjadi mudah dan dapat disiapkan dengan pantas.



Mari kita angkat kayu-kayu yang berat ini.

Ayuh kita kumpul kayu-kayu yang elok.



Apakah yang telah berlaku? Kenapa kaki Sim berdarah?

Aduh, sakitnya kaki saya!

Eh, kaki awak luka dan berdarah!



Sim terpijak paku tadi. Ravi, bantu saya papah Sim balik ke rumah saya. Di sana ada peti kecemasan.



Nasib baik awak ada peti kecemasan. Dapat juga merawat luka pada kaki Sim.

Ya, sekurang-kurangnya sebelum berjumpa dengan doktor, Sim sudah berasa lega kerana sakitnya berkurangan.

Terima kasih, Danial dan Ravi. Nasib baik awak berdua ada. Jika tidak, sudah tentu sukar untuk saya bergerak.





Gantikan huruf dalam petak berwarna kuning agar membentuk perkataan lain. Bina ayat berdasarkan perkataan tersebut.



r a g a

g i t a r



p a r a n g

k e r a n g



m a r a h

n a n a s



b u r u n g



s a w a h



Lengkapkan ruang yang disediakan bagi menghasilkan satu cerita.



PERPADUAN

- Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan?
- Mengapakah kita perlu mengekalkan perpaduan?
- Bagaimanakah cara anda menyuburkan semangat perpaduan?



1. Dengar perbualan dengan telitinya.
2. Sampaikan pesanan kepada rakan anda.

Karnival Perpaduan



Selamat petang. Bolehkah saya bercakap dengan Aina?

Aina tidak ada di rumah. Bolehkah mak cik tahu siapa yang sedang bercakap di sana?



Maafkan saya, mak cik. Saya Amanda, kawan Aina.

Oh, Amanda rupanya!
Apakah yang mak cik boleh bantu?



Saya mahu mengajak Aina pergi menyaksikan karnival perpaduan di bandar, esok. Bolehkah mak cik sampaikan pesanan kepada Aina?

Apakah pesanan itu?



Mak cik tolong sampaikan kepada Aina bahawa karnival tersebut akan bermula pada pukul 9:00 pagi. Kami perlu bertolak pada pukul 8:30 pagi.

Bagaimanakah kamu berdua hendak ke sana?



Bapa saya akan menghantar kami. Minta Aina membawa bendera dan berpakaian kebangsaan ya, mak cik.

1.2.2 Menyampaikan maklumat yang terdapat dalam arahan, **pesanan** serta pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.

KARNIVAL PERPADUAN

Bersama-sama Memupuk Perpaduan

Tempat:
Dewan Permai, Bangunan Wawasan
56100 Kuala Lumpur

Masa:
9:00 pagi hingga 3:00 petang

Aktiviti:

- senamrobik
- pemeriksaan kesihatan percuma
- persembahan kebudayaan
- cabutan bertuah
- permainan



Baik, nanti mak cik akan sampaikan pesanan kamu kepada Aina.



Terima kasih, mak cik.



Sama-sama. Esok kamu berdua jaga diri baik-baik.



Baik, mak cik. Kami akan berhati-hati.



Eratkan Silaturahmi



1. Baca dan fahami petikan.
2. Cari makna perkataan dan rangkai kata yang bercetak tebal dengan merujuk kamus.

Kita harus berasa bangga kerana tinggal di sebuah negara yang **unik** kerana warganya terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya. Penduduk di negara kita hidup dalam suasana yang **harmoni** serta saling menghormati. Walaupun setiap bangsa dan suku kaum ini mengamalkan agama, **adat resam** dan budaya serta cara hidup yang berbeza, tidak menjadi halangan untuk masyarakat menyemai **semangat perpaduan**.

Apabila kita hidup bersatu padu, banyak manfaat yang diperoleh. Antaranya termasuklah rakyat Malaysia dapat hidup dalam suasana aman dan damai, ekonomi negara akan berkembang dan dapat meningkatkan **taraf hidup** rakyat.

Suasana dalam negara yang **tenteram** telah menarik minat para pelancong bercuti di negara kita. Kesannya, kedatangan para pelancong telah memberikan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita seperti dalam sektor makanan, perhotelan, pengangkutan dan **perusahaan kraf tangan**.

Kesimpulannya, perpaduan kaum yang wujud di negara kita telah banyak memajukan negara kita dalam pelbagai bidang. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu memelihara dan mengamalkan semangat hidup bersatu padu ini agar nilai hormat-menghormati dan **toleransi** terus kekal dalam kalangan warga Malaysia.



- 2.2.1 Membaca, memahami, menyatakan makna perkataan dan rangkai kata dengan merujuk glosari, **kamus** serta tesaurus dengan betul dan tepat.



Di Bawah Satu Bendera



Berdasarkan bahan, bina perenggan yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk.

Aktiviti Perpaduan Kaum

Hafiz gemar bersukan. Dia suka bermain bola sepak. Hafiz dan kawan-kawannya sering bermain bola sepak. Ravi dan Tan ialah sahabat baik Hafiz. Apabila ada masa lapang, mereka sering berlatih bersama-sama. Hafiz selalu berlatih untuk meningkatkan stamina. Sukan bukan sahaja baik untuk kesihatan malahan dapat memupuk perpaduan.



- berkunjung ke rumah rakan
- memahami adat dan budaya
- menikmati pelbagai juadah
- saling menghormati



- bergotong-royong
- membersihkan kampung
- mengisi masa lapang
- mengeratkan silaturahim



Warkah Sahabat



1. Baca dan fahami peribahasa dalam teks.
2. Berdasarkan gambar, kenal pasti peribahasa yang sesuai.



No. 16, Jalan
Kemboja,
Taman Persiaran,
01007 Kangar,
Perlis.

15 April 20



Ke hadapan sahabatku, Anusha yang berada di Subang Jaya, semoga sihat sejahtera hendaknya. Terima kasih saya ucapkan kerana saudara sudi berkongsi pengalaman mengenai perayaan di tempat saudara. Saya ingin bercerita mengenai sambutan Minggu Kejiranan di tempat saya.

Seluruh ahli keluarga saya terlibat aktif dalam persiapan Minggu Kejiranan kerana ibu dan ayah saya merupakan ahli jawatankuasa program ini. Saya turut membantu ibu dan ayah saya kerana saya dan adik telah dididik sejak kecil untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Kata ibu, **melentur buluh biarlah dari rebungunya**. Segala persiapan dijalankan bersama-sama penduduk di kawasan ini bak kata pepatah **yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing**. Semua kerja menjadi mudah dan pantas.

Sahabatku,

Penduduk di kawasan kejiranan saya juga sangat aktif menjalankan pelbagai program seperti membersihkan taman permainan dan balai raya. Aktiviti yang diwujudkan berjaya memupuk semangat muafakat bak kata pepatah **muafakat membawa berkat**. Hubungan yang erat **bagai aur dengan tebing** tercapai apabila para penduduk bekerjasama antara satu sama lain.

Sampai di sini dulu warkah saya buat kali ini. Semoga kita dapat bertemu dalam lembaran yang akan datang.

Yang benar,

dila





Hidup Harmoni



1. Kenal pasti kata adjektif yang terdapat dalam bahan.
2. Bina ayat dengan menggunakan kata adjektif.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN PENULISAN CERPEN:

1. Terbuka kepada murid kelas peralihan hingga tingkatan tiga.
2. Cerpen bertemakan masyarakat Malaysia yang hidup dalam suasana ceria, cergas, pintar dan cinta akan tanah air.
3. Cerpen hendaklah ditulis dengan kemasnya.
4. Karya hendaklah asli dan tidak pernah diterbitkan.
5. Setiap cerpen perlu disertakan slogan yang tidak melebihi 10 patah perkataan. Slogan hendaklah bermula dengan "Saya suka akan Malaysia kerana ..."

Haziq: Cikgu, bolehkah saya menyertai pertandingan menulis cerpen?

Cikgu: Boleh, apa salahnya. Bukankah kamu pandai mengarang? Selama ini pun, cikgu melihat hasil karangan kamu sangat cemerlang.

Haziq: Terima kasih, cikgu. Berapakah jumlah perkataan untuk menulis cerpen tersebut?

Cikgu: Jumlah perkataan cerpen tersebut adalah antara 200 hingga 300 patah perkataan.



5.1.3 Memahami dan menggunakan kata adjektif dengan betul mengikut konteks.



1. Isi tempat kosong supaya menjadi peribahasa yang tepat.
2. Lengkapkan teks dengan peribahasa yang betul.

Hati gajah sama dilapah

bercerai roboh

sesusun bak sirih

Bagai enau dalam belukar

1. Bersatu teguh, _____ .
2. Serumpun bak serai, _____ .
3. _____, melepaskan pucuk masing-masing.
4. _____, hati kuman sama dicecah.

Hidup Harmoni

Penduduk Taman Embayu terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Namun demikian, penduduknya mengamalkan hidup saling membantu bak kata pepatah _____. Demi mencapai keharmonian, para penduduk menjalankan tanggungjawab masing-masing. Mereka tidak bersikap _____. Amalan hidup bertoleransi dan muafakat dapat dibuktikan apabila para penduduk menghadapi susah dan senang bersama-sama bak kata pepatah _____. Jelaslah bahawa, perpaduan menjadi tonggak utama bagi anggota masyarakat kerana mereka berpendapat _____.



1. Dengar pengumuman dengan telitinya.
2. Kongsi maklumat dengan rakan sekelas anda.

Pohon Perpaduan

Rakesh bersama-sama dengan rakannya mendengar pengumuman yang disampaikan oleh gurunya tentang sambutan Bulan Kebangsaan peringkat sekolah. Rakesh menyampaikan maklumat kepada rakan sekelasnya yang tidak hadir pada hari tersebut.

Sambutan
**BULAN
KEBANGSAAN**
Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Jaya

Tarikh: 15 Ogos hingga 16 September 20□□

Aktiviti-aktiviti yang Diadakan:

- Perarakan hari kebangsaan
- Pertandingan mendeklamasikan sajak
- Hiasan kelas paling patriotik
- Bina model bangunan bersejarah
- Larian merdeka
- Tayangan filem bertemakan kemerdekaan



Penyokong Hebat



1. Baca teks dengan telitinya. Gunakan teknik 5W1H untuk mengenal pasti maklumat yang terdapat dalam teks.
2. Nyatakan maksud tersurat berdasarkan bahan.

Sukan Memupuk Perpaduan

Nukilan, Zaihanim Zainal Abidin

Semangat persaudaraan dan keakraban antara rakyat berbilang kaum di negara ini jelas kelihatan apabila mereka setia menonton dan bersorak ketika perlawanan badminton antara Datuk Lee Chong Wei dengan musuh tradisinya beraksi di gelanggang. Begitu juga ketika pemain-pemain bola sepak dan hoki berjuang menumpaskan pihak lawan. Tidak kira sama ada perlawanan persahabatan mahupun kejohanan berprestij, penglibatan penyokong Malaysia sangat mengagumkan.

2.2.2 Membaca dan memahami ayat serta perenggan dengan memberikan maksud yang **tersurat** dan tersirat dengan betul dan tepat.

Ketika atlet kebanggaan kita beraksi, jelas kedengaran jeritan dan tepukan gemuruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, sama ada di rumah, tempat kerja, asrama, kampus dan premis makanan. Malah, ketika atlet negara mengukir kejayaan, media sosial pula pasti dipenuhi kata-kata berinspirasi. Ucapan tahniah, sokongan, motivasi dan galakan daripada rakyat Malaysia disampaikan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Masing-masing memberikan pujian dan berbangga dengan kemenangan atlet yang telah mengharumkan tanah air.

Tidak dapat dinafikan bahawa sukan merupakan medium terbaik untuk memupuk perpaduan dan rasa cinta akan tanah air. Sukan bukan hanya untuk tontonan tetapi berfungsi sebagai agen perpaduan yang paling mudah bagi menyatukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Jelas bahawa, sukan mampu menyatukan masyarakat daripada pelbagai status demi kemenangan atlet yang mewakili negara.

**Info Bestari**

Maksud tersurat ialah maksud yang dinyatakan atau dipaparkan dalam petikan.



Sepakat Membawa Berkat



1. Baca perbualan dengan telitinya.
2. Catatkan tanggjawab sebagai jiran.

Saya dengar bunyi ambulans pagi tadi. Awak tahu siapa yang sakit?

Oh, bagaimanakah dengan rumahnya?

Mujur awak ada, Encik Leong. Jika tidak, entah bagaimanalah nasib Encik Ismail. Inilah manfaat hidup berjiran. Kita saling membantu antara satu sama lain.

Jiran saya, Encik Ismail yang sakit. Dia pengsan di rumahnya. Saya telah menghubungi ambulans. Pada waktu kejadian, dia sedang bersiap-siap untuk pergi bekerja.

Kami berdua juga tolong tengok-tengokkan rumah Encik Ismail sewaktu dia dibawa ke hospital.

Benar kata awak, Azli. Selagi hidup berjiran, kita perlu mengambil tahu hal yang berlaku di sekeliling kita.



3.4.1 Mencatat maklumat daripada pelbagai sumber yang didengar dan dibaca dengan betul.



Saling Muafakat



Lengkapkan pantun.

Mangga kuini sedap dirasa

Bunga dahlia dipetik jangan

Hormat-menghormati tak kira bangsa

Kuntum melati tumbuh melata

Kerja yang sukar menjadi senang

Rambutan seikat di atas peti

_____,
Buah cermai di atas para;
Hidup muafakat saling menasihati,
Negara damai rakyat sejahtera.

Buah delima bertangkai satu,
_____;
Amalan kerjasama saling membantu,
Kekal harmoni sepanjang masa.

Bunga melati di hujung desa,
Bunga seruni tumbuh di tanjung;
_____,
Amalan murni harus dijunjung.

Di tepi perdu mencari keranji,
Masuk belukar mengutip pinang;
Bersatu padu amalan terpuji,
_____.

_____,
_____;
Bersatu hati seia sekata,
Pekerti mulia jadi pegangan.

4.3.1 Menghasilkan penulisan **pantun** dan sajak dengan betul dan kreatif.



Perkemahan Muhibah



1. Baca dan kenal pasti kata sendi.
2. Lengkapkan ayat dengan kata sendi yang sesuai.

Pada minggu yang lalu, Farah, Kai Li dan Devi menyertai perkhemahan yang dianjurkan oleh sekolah mereka. Perkhemahan itu diadakan di sebuah tapak perkhemahan yang terletak di Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa Kuala Lipis, Pahang. Sebanyak 45 orang murid terlibat dalam perkhemahan ini.

Perkemahan ini diketuai oleh Cikgu Zalina dan tiga orang guru lain. Tugas guru pengiring adalah untuk membantu dan memastikan keselamatan murid sewaktu perkhemahan dijalankan.

Perkemahan ini berlangsung selama tiga hari dua malam. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang perkhemahan tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan kawad kaki, gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran dan pertandingan memasak. Para peserta juga berpeluang mempelajari asas latihan ikhtiar hidup sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Farah, Kai Li dan Devi berasa sangat gembira kerana berpeluang melibatkan diri dalam perkhemahan ini. Mereka berharap agar berpeluang mengikuti perkhemahan seperti ini pada masa akan datang.



1. Aktiviti perkhemahan diadakan _____ minggu yang lalu.
2. Perkhemahan selama tiga hari dua malam itu disertai _____ ahli pasukan pengakap.
3. Program perkhemahan itu dijalankan _____ sebuah tapak perkhemahan.
4. Cikgu Zalina memberikan ucapan _____ keselamatan ketika berkhemah.
5. _____ aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan kawad kaki.
6. Khemah itu diperbuat _____ kanvas.



Info Bestari

Kata sendi ialah perkataan yang berada di hadapan kata nama atau frasa nama. Contoh: di, ke, dari, daripada, kepada, bagi, demi, untuk, tentang, terhadap, bagai, laksana, seperti, sejak, semenjak, sampai, dalam, antara, oleh, selain, pada, umpama, hingga dan dengan.



Pilih kata sendi yang sesuai.



dalam

kepada

Semenjak

untuk

hingga

dengan

1. _____ tanah air mencapai kemerdekaan, perpaduan menjadi asas utama pembangunan negara.
2. Setiap anggota masyarakat perlu bekerjasama _____ mewujudkan negara yang makmur.
3. Amalan tolong-menolong _____ kalangan masyarakat perlu dijadikan budaya.
4. Perpaduan kaum dapat memupuk semangat nasionalisme yang mendalam _____ semua kaum di negara ini.
5. Rakyat Malaysia dapat berinteraksi _____ baik walaupun berbeza bangsa, agama dan budaya.
6. Tarikh tutup Pertandingan Menulis Sajak Kemerdekaan itu dilanjutkan _____ minggu hadapan.



Berdasarkan gambar, tulis cerita pendek bertemakan perpaduan.

Sani, David dan Jiven merupakan sahabat karib. Walaupun berbeza kaum dan agama, hubungan mereka sangat akrab. Mereka sering menghabiskan masa bersama-sama.





1. Fahami situasi yang diberikan.
2. Lakonkan perbualan tersebut secara bertatasusila.

Hadiah dari Guangzhou

Vivian dan keluarganya baru balik dari bercuti di Guangzhou, China. Vivian telah mengunjungi sahabat baiknya, Sarah untuk memberikan cenderamata yang dibeli.

Vivian: Selamat petang, Sarah.

Sarah: Selamat petang, Vivian. Awak apa khabar?
Saya dengar awak baru balik dari China.

Vivian: Khabar baik, Sarah. Ya, saya baru balik dari Guangzhou, semalam. Kami melawat tempat-tempat menarik di sana. Oh, ya! Saya ada sesuatu untuk awak. Saya harap awak sudi menerimanya.

Sarah: Terima kasih kerana awak membelikan buah tangan untuk saya.

Vivian: Sama-sama. Bukalah. Awak tentu suka akan hadiah ini.

Sarah: Wah, cantiknya! Saya amat menghargai pemberian awak ini.

Vivian: Anggaplah pemberian ini sebagai tanda persahabatan kita.



1.3.1 Berbual dengan memberi ucapan selamat dan menyatakan penghargaan menggunakan sebutan yang betul, serta intonasi yang sesuai secara bertatasusila.



Sepakat Komuniti



1. Baca teks secara luncuran. Berikan respons anda.
2. Kongsi maklumat dengan rakan anda.

Laporan Program Kayuhan Amal Taman Tamarinda.

Pada hari Sabtu yang lalu, Persatuan Penduduk Taman Tamarinda telah mengadakan Program Kayuhan Amal bertempat di padang rekreasi Taman Tamarinda. Program ini disertai oleh 100 orang penduduk.

Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran tentang gaya hidup sihat, memupuk semangat perpaduan serta mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Program ini terbuka kepada penduduk Taman Tamarinda dan kawasan sekitar. Sebelum acara bermula, pendaftaran peserta telah diadakan pada pukul 7:30 pagi. Para peserta yang terlibat dalam program ini berpeluang menyertai cabutan bertuah, menerima sehelai jersi dan sebuah medal serta sijil penyertaan.

Walaupun julung-julung kali dianjurkan oleh persatuan penduduk, program ini telah berjaya dilaksanakan dan mendapat maklum balas yang positif. Para penduduk berharap agar aktiviti ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Disediakan oleh,

17 APRIL 20



.....
(MUHAMAD RAIKAL BIN ASRI)
 Setiausaha,
 Persatuan Penduduk Taman Tamarinda.

Sila lengkapkan maklumat yang berikut untuk tujuan pendaftaran.

Nama: _____
 No. Kad Pengenalan: _____
 No. Telefon: _____
 Alamat Rumah: _____

Sebarang pertanyaan/pendaftaran boleh berhubung terus melalui telefon atau WhatsApp kepada:
 Setiausaha,
 Persatuan Penduduk Taman Tamarinda
 En. Muhamad Raikal bin Asri
 (015-12345678)

2.3.1 Membaca, memahami dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.



Uniknya Nusaku



Berdasarkan gambar, sediakan kerangka karangan.

Cara-cara Memupuk Integrasi Kaum



Aktiviti kemasyarakatan

- Gotong-royong
- Perjumpaan bulanan komuniti
- Rukun tetangga



Pelbagai jenis makanan

- Mengeratkan hubungan antara kaum
- Mempelajari kebudayaan kaum lain
- Menyatukan pelbagai etnik



Sambutan perayaan

- Keunikan yang dapat dilihat oleh pelancong asing
- Memahami budaya kaum lain
- Meningkatkan hubungan dan interaksi antara kaum



Info Bestari

Kerangka karangan boleh ditulis dalam pelbagai bentuk seperti peta pemikiran, jadual dan bahan grafik. Kerangka karangan perlu mengandungi bahagian pendahuluan, isi dan penutup.



Eksplorasi Minda

Dengan menggunakan kamus, cari makna perkataan integrasi.



Seindah **Budi**



Berdasarkan bahan, hasilkan sebuah sajak yang menarik.

Syara dan Mei Ling hidup berjiran sejak enam tahun yang lalu. Hubungan akrab mereka bagai isi dengan kuku. Setiap pagi, mereka pergi ke sekolah bersama-sama sementara pada waktu petang pula, mereka menyiapkan kerja sekolah. Pada suatu hari, Syara mendapat tahu bahawa ayahnya akan dihantar bertugas ke Sabah. Syara sangat sedih. Dia tidak sampai hati untuk memberitahu Mei Ling tentang perkara tersebut. Syara mahu menghadihkan sebuah sajak kepada Mei Ling sewaktu hari perpisahan mereka nanti.



4.3.1 Menghasilkan penulisan pantun dan **sajak** dengan betul dan kreatif.



Mencari ilmu demi masa hadapan.

Sahabatku, _____



Tugasan diberikan oleh guru tidak kita lupa.

Sahabatku, _____



Sampai saat itu kita berpisah jua.

Sahabatku, _____



Baca dan kenal pasti kata sendi yang terdapat dalam petikan.

Hari ini, Luqman menyambut hari lahirnya yang ke-13 tahun. Puan Rozita, ibu Luqman telah menyediakan pelbagai jenis makanan bagi menyambut hari lahir anak bongsunya. Luqman telah menjemput rakan-rakannya seperti David, Raju dan Chia Yee. Puan Rozita turut menjemput jiran-jirannya yang terdiri daripada pelbagai kaum ke majlis tersebut. Sejak pukul 10:00 pagi, Luqman membantu kakaknya menghias rumah.

Petang itu, ketiga-tiga rakan Luqman datang dengan membawa hadiah. David, Raju dan Chia Yee berkongsi wang membeli hadiah untuk diberikan kepada Luqman. Jiran-jiran yang datang ada yang membawa buah-buahan, biskut, kek dan sebagainya. Majlis hari jadi Luqman berjalan lancar. Luqman berasa sangat gembira lalu mengucapkan terima kasih kepada ibunya kerana meraikan hari lahirnya.

SELAMAT HARI LAHIR



5.1.4 Memahami dan menggunakan kata sendi dengan betul mengikut konteks.



Lengkapkan suku kata bagi membentuk perkataan.

1. Sesuatu yang dipersetujui

mua fa kat → muafakat

2. Saling membantu

ker sa →

3. Mengambil berat

pri tin →

4. Menyedari atau menghayati sesuatu

pe →

5. Tolong

ban →

6. Mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang

hor →

7. Gabungan dua atau beberapa kaum

in gra →

8. Persesuaian tindakan, pendapat dan perasaan

har ni →



Berdasarkan gambar, lengkapkan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Aku tinggal di sebuah



_____ yang permai. Nama kampungku ialah



_____. Penduduk kampungku terdiri daripada pelbagai bangsa.

Ada penduduk Melayu, India dan



_____. Aku juga tinggal berjiran dengan

Bong Jugah yang berasal dari



_____. Kami sering pergi ke



_____ bersama-sama. Ibuku sering bertukar-tukar



_____ dengan jiran kami. Pada hari raya pula, Bong Jugah akan



_____ keluarga kami. Aku berasa bangga kerana

mempunyai jiran yang baik hati.

KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

- Nyatakan budaya Malaysia yang anda tahu.
- Apakah peranan anda dalam usaha memelihara budaya warisan bangsa?
- Bagaimanakah nilai estetika boleh menonjolkan Malaysia di mata dunia?



Budaya Kita



Lihat gambar dengan telitinya. Kemudian, berbicara dengan rakan anda tentang amalan baik rakyat Malaysia secara bertatasusila.

Berbudi Bahasa

TEMA 4

Membantu guru membawa buku.



Membantu anggota keluarga membuat kerja di rumah.



Menziarahi rakan yang sakit di hospital.



Bertukar-tukar juadah dengan jiran tetangga.



Info Bestari

Ucapan bertatasusila

- Selamat pagi
- Terima kasih
- Maafkan saya
- Izinkan saya
- Saya doakan



Eksplorasi Minda

Anda melihat seorang remaja menolong warga tua membawa barangan dapur yang berat di pasar raya. Berbicara dengan rakan anda tentang amalan baik remaja tersebut secara bertatasusila.

1.4.1 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.



Seni Warisan Baba Nyonya



1. Baca petikan dengan menggunakan teknik bacaan KWLH.
2. Senaraikan isi-isi penting.

Dondang sayang merupakan khazanah budaya yang mencerminkan masyarakat Baba Nyonya Melaka. Dondang sayang boleh didefinisikan sebagai lagu atau nyanyian kasih yang bersifat lembut, indah serta mempunyai kesan yang mendalam. Lagu dondang sayang diilhamkan dalam bentuk pantun untuk mencerminkan kelembutan peribadi dan sifat-sifat ketimuran masyarakat.

Dondang sayang dinyanyikan dalam bentuk berbalas pantun yang disampaikan secara spontan oleh penyanyinya. Kumpulan dondang sayang diketuai oleh pemain biola, manakala pemain instrumen yang lain terdiri daripada pemain rebana, gong atau tetawak dan arkodian.

Pakaian yang dipakai apabila kumpulan dondang sayang membuat persembahan ialah baju Melayu teluk belanga, seluar potongan Cina, kain sampung, songkok dan capal bagi lelaki. Bagi perempuan pula baju kurung teluk belanga atau baju kebaya, kain batik sarung atau kain batik lepas, selendang dan kasut berhias manik.



kebaya



kasut berhias manik

gong/tetawak

biola



arkodian

rebana



Eksplorasi Minda
Layari laman sesawang berkaitan dengan Dondang Sayang Baba Nyonya.

(Sumber: Muzium Peranakan Baba Nyonya Melaka)



Minggu Kebudayaan Sekolah



Gunakan maklumat yang terdapat dalam poster untuk menulis perenggan pendahuluan dengan betul dan kreatif.

MINGGU KEBUDAYAAN
Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puteri

15 hingga 18 Mac 20

Objektif program:
Memberikan pendedahan kepada murid tentang kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia.

“Budaya Membentuk Jiwa Malaysia”
Penceramah:
Encik Roslan bin Madun
Tokoh Syair Nusantara

PROGRAM YANG MENARIK

Pertandingan

- Pakaian tradisional
- Syair
- Sketsa
- Nyanyian lagu tradisional
- Memasak kuih tradisional

3.5.2 Membina **perenggan pendahuluan**, perenggan isi dan perenggan kesimpulan bagi penulisan karangan dengan betul dan kreatif.



Jenis-jenis Pendahuluan

Jenis Definisi

Memberikan takrif
dan makna

Jenis Suasana

Menggambarkan sesuatu
melalui suasana yang sesuai

Jenis Pendapat

Menggunakan pendapat
seseorang tokoh

Jenis Persoalan

Mengemukakan beberapa
ayat tanya

Jenis Peribahasa

Memasukkan satu atau lebih peribahasa
yang sesuai dalam penulisan



Manuk Pansuh



Berdasarkan maklumat, tulis karangan pendek tentang cara-cara memasak Manuk Pansuh dengan betul dan kreatif.

Tahukah anda tentang Manuk Pansuh? Manuk Pansuh ialah ayam yang dimasak di dalam buluh dan dibakar seakan-akan memasak lemak. Makanan ini merupakan makanan tradisi masyarakat Sarawak. Kebiasaannya, masakan ini menjadi hidangan utama semasa perayaan Hari Gawai Dayak.

Bahan-bahan

- 1 ekor ayam
- 4 biji bawang merah
- 3 biji bawang putih
- 2 cm halia
- 3 batang serai
- 4 cm lengkuas
- 2 batang bunga kantan
- garam secukup rasa
- 10 helai pucuk ubi
- buluh untuk mengisi ayam



Cara-cara memasak Manuk Pansuh

1. Ayam dipotong menjadi saiz kecil.
2. Kisarkan bawang merah, bawang putih, halia, serai, lengkuas dan bunga kantan.
3. Perapkan ayam yang dipotong kecil dengan bahan-bahan kisar selama 20 minit.
4. Masukkan garam secukup rasa.
5. Ramas daun pucuk ubi dan masukkan ke dalam buluh.
6. Masukkan ayam yang telah diperap ke dalam buluh.
7. Ketuk-ketukkan buluh supaya isi ayam memenuhi ruang di dalam buluh.
8. Tutup buluh dengan pucuk ubi yang diramas.
9. Bakar selama 45 minit di atas bara api.



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Majalah Anjung Warisan* April 2009, Jabatan Warisan Negara.)



Warna-warni Tudung Saji



Berdasarkan gambar, bina ayat menggunakan subjek dan predikat dengan betul.

Tudung saji merupakan kraf tangan popular masyarakat Melayu. Tudung saji diperbuat daripada daun mengkuang, buluh, daun pandan dan rotan. Namun begitu, hari ini tudung saji boleh juga dihasilkan daripada bahan plastik. Tudung saji mempunyai pelbagai corak, bentuk dan warna. Selain digunakan untuk menutup makanan, tudung saji juga boleh dijadikan hiasan.



Tudung Saji Buluh



Tudung Saji Mengkuang



Tudung Saji Pandan



Info Bestari

Subjek

- Terdiri daripada frasa nama.
- Terletak di bahagian hadapan ayat.

Predikat

- Bahagian yang menerangkan subjek
- Terletak di bahagian belakang ayat.
- Terdiri daripada frasa nama, frasa sendi, frasa kerja dan frasa adjektif.

Contoh:

Subjek	Predikat
Tudung saji	diperbuat daripada daun mengkuang.

5.2.1 Memahami dan menggunakan subjek dan predikat dalam pembentukan ayat dengan betul mengikut konteks.



Baca petikan dengan telitinya. Kemudian, bandingkan permainan tersebut menggunakan peta pemikiran yang sesuai.




Permainan guli merupakan permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Guli dimainkan dengan cara melontar guli mengenai sasaran di dalam bulatan yang dilukis di atas tanah. Bagi memulakan permainan, setiap pemain hendaklah meleretkan guli masuk ke dalam lubang induk. Pemilik guli yang masuk atau hampir dengan lubang induk akan memulakan permainan. Pemain akan melontar gulinya ke arah guli-guli yang berada dalam bulatan supaya guli-guli itu terkeluar. Begitulah seterusnya bergilir-gilir antara semua pemain sehingga semua guli terkeluar. Pemain yang dapat mengumpul guli paling banyak dikira sebagai pemenang.

Batu Seremban merupakan permainan yang digemari oleh kanak-kanak perempuan. Permainan ini biasanya dimainkan secara individu ataupun berkumpulan, sekurang-kurangnya dua orang atau lebih. Objek yang digunakan untuk permainan ini ialah guli kaca, biji getah, anak batu kerikil atau ketulan-ketulan objek lain yang berbentuk bulat. Sebanyak lima hingga tujuh biji buah diperlukan untuk memainkan permainan ini. Pemain akan menggunakan kemahiran melambung dan menangkap batu tersebut menggunakan tangan. Mereka akan duduk bersila atau bersimpuh di atas lantai rumah atau pangkin semasa bermain. Kiraan mata diambil daripada jumlah batu yang berjaya dilambung dan ditangkap oleh pemain. Kumpulan yang mendapat mata tertinggi dikira sebagai pemenang.



(Sumber: Siri Permainan Tradisional Kanak-kanak, DBP, 2015)






Teka Silang Kata



Lengkapkan silang kata.



Petunjuk

Melintang

1. Kuih popular masyarakat Cina.
2. Orang yang tinggal berhampiran.
3. Amalan atau cara hidup.
4. Pakaian tradisional wanita India.
5. Daun untuk membuat tudung saji.

Menegak

6. Sama erti dengan makanan.
7. Makanan ruji rakyat Malaysia.
8. Bentuknya seperti bola, tetapi kecil dan berkaca.
9. Pelbagai kaum di Malaysia juga dikenali sebagai masyarakat _____.
10. Sama erti dengan melawat atau berkunjung.

UNIT 11



Selera Warisan



Berdasarkan bahan, berikan pendapat anda tentang kuih tradisional rakyat Malaysia secara bertatasusila menggunakan kaedah tanda bicara.


Kebudayaan, Kesenian
dan Estetika

TEMA 4

Kuih Tradisional Rakyat Malaysia



Angku



Kuih Bakar



Ladu



Kuih Bakul



Onde-onde



Wade



1.5.1 Menyatakan pendapat tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.



Seni Buluh yang Merdu



1. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, bentangkan hasil dapatan anda kepada rakan.
2. Pada pendapat anda, apakah alat muzik lain yang boleh dihasilkan daripada buluh?

Pembuatan Angklung

Angklung ialah alat muzik yang mudah untuk dimainkan. Pemainnya hanya perlu menggoyangkan alat tersebut bagi menghasilkan bunyi. Tumian bin Muridan, 62 tahun, berasal dari Skudai, Johor, merupakan pembuat angklung yang mahir.

Menurut beliau, hanya buluh merdu, buluh semantan dan buluh hitam sahaja yang sesuai digunakan untuk membuat angklung. Buluh dikeringkan selama lapan bulan hingga setahun supaya buluh betul-betul kering sebelum diproses menjadi angklung. Buluh yang telah kering akan dipotong kemudian diraut mengikut ukuran yang ditetapkan.

Seterusnya, bunyi buluh diselaraskan dengan ukur lilit dan panjang buluh bagi menghasilkan bunyi yang sepadan. Tabung yang telah diselaraskan bunyi dipasang pada tiang-tiang buluh dengan menggunakan tali rotan. Angklung yang telah siap dihasilkan diwarnakan menggunakan varnis.



2.4.1 Membaca dan memahami pelbagai bahan bukan sastera bagi mendapatkan maklumat dan menggalakkan pemikiran kreatif murid.



**Kelab Angklung Wariseni
Sekolah Menengah Kebangsaan
Taman Sri Muda,
Shah Alam, Selangor.**



IMBAS SAYA

Kelab Angklung Wariseni, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda telah ditubuhkan pada 11 Oktober 2010 oleh guru penasihatnya, Cikgu Norazlena binti Lazim. Tujuan kelab ini ditubuhkan adalah untuk memperkenalkan dan mengekalkan muzik tradisional yang alatannya diperbuat daripada buluh. Selain itu, melalui kelab ini juga guru-guru dapat menggalakkan murid bergiat aktif dalam aktiviti kesenian.

Menurut Cikgu Norazlena binti Lazim, pemilihan angklung sebagai salah satu seni muzik yang diketengahkan di sekolah ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya termasuklah seni permainan muzik ini mudah dikuasai oleh murid. Selain itu, sekolah ini juga mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman. Kelab ini mempunyai sebanyak 50 orang ahli yang aktif. Mereka terdiri daripada murid tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Namun begitu, hanya 10 hingga 20 orang murid sahaja terlibat dalam persembahan angklung. Lagu-lagu yang dimainkan semasa persembahan ialah lagu tradisional dan lagu moden.

Usaha Cikgu Norazlena dan guru-guru penasihat kelab ini membuahkan hasil apabila kelab ini berjaya mengetengahkan muzik angklung ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara kejayaan kelab ini termasuklah mendapat tempat ketiga dalam MSU Performance Art Competition pada tahun 2014 dan menyertai Pertandingan Lagu Angklung SEAMOE yang diadakan pada tahun 2015 yang melibatkan lebih daripada 150 buah sekolah di Asia Tenggara. Semoga dengan kejayaan ini, seni muzik angklung akan terus diminati oleh generasi muda sekali gus mengekalkan seni muzik tradisional daripada buluh di negara kita.

Pautan:

- <http://smktamansrimuda.blogspot.com>
- <https://www.youtube.com/user/kelabAngklung>



Tradisi Kita



Baca maklumat dengan telitinya. Kemudian, bina perenggan isi berdasarkan bahan.



Melambangkan identiti rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya.

Meningkatkan jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

Memupuk dan mengamalkan nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Tradisi rakyat Malaysia penting untuk dipelihara kerana tradisi ini melambangkan identiti rakyat yang berbilang kaum dan budaya. Hal ini demikian kerana rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Sebagai contohnya, kaum Melayu turut menggemari juadah kaum Cina dan India seperti kuih pau dan roti canai. Begitu juga kaum Cina dan India yang menggemari nasi lemak.

Kepentingan menjaga tradisi rakyat Malaysia adalah

(A) _____

Hal ini demikian kerana (B) _____

Sebagai contohnya, (C) _____



Info Bestari

Formula ABC digunakan untuk menulis perenggan isi.

A Ayat isi (Apa) + **B** Ayat Huraian (Bagaimana) + **C** Ayat Contoh

3.5.2 Membina perenggan pendahuluan, **perenggan isi** dan perenggan kesimpulan bagi penulisan karangan dengan betul dan kreatif.



Juadah dan Bahasa Menyatukan Kita



1. Berdasarkan gambar dan rangkai kata yang diberikan, cipta sebuah karya mengikut kreativiti anda.
2. Persembahkan karya secara kreatif dan berkesan.



Karya yang anda hasilkan boleh terdiri daripada:

Pantun

Syair

Cerpen

Sajak

Lirik lagu

Anda juga digalakkan menambah rangkai kata dan idea penulisan anda sendiri.

berbeza budaya

saling menghormati

pelihara bersama

sayangi warga tua

berlainan agama

kaya tradisi

bangsa Malaysia

terjalin kemesraan

aman harmoni

berkongsi rasa

serasi bersama

budi bahasa

eratkan hubungan



Eksplorasi Minda
Muat naik hasil karya anda ke media sosial.

1. Baca cerita dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti pola ayat.
2. Lengkapkan cerita menggunakan ayat yang betul.

Bawang Putih Bawang Merah

1



Bawang Putih dan Bawang Merah merupakan adik-beradik tiri. Bawang Putih ialah anak kepada Mak Labu. Bawang Merah ialah anak kepada Mak Kunder. Bawang Putih sangat cantik.

2



Ayah mereka Pak Labi. Beliau merupakan seorang bapa yang sangat penyayang. Pak Labi telah meninggal dunia kerana disengat ikan sembilang.

3



Mak Kunder telah membunuh Mak Labu dengan menolaknya ke dalam kolam. Sejak itu, Mak Kunder sering mendera Bawang Putih. Bawang Putih dipaksa membuat kerja-kerja rumah pada setiap masa.

4



Bawang Putih pergi ke sungai. Dia memberi ikan kaloi makan nasi dengan sayur keladi. Mak Kunder mengetahui perbuatan Bawang Putih. Dia merancang untuk membunuh ikan kaloi.

5



Bawang Merah _____
Putera raja _____
Mereka berkahwin _____

5.2.2 Memahami dan menggunakan pola ayat dengan betul mengikut konteks.



Baca petikan dengan telitinya. Kemudian, bina ayat berdasarkan pola ayat yang diberikan.

Suku kaum Bajau Samah terdapat di negeri Sabah. Kaum ini terkenal dengan kehebatan tarian tradisi mereka. Tarian Limbai merupakan tarian tradisi etnik Bajau Samah. Tarian ini dipersembahkan dalam majlis perkahwinan.

Tarian Limbai dipersembahkan oleh 10 orang penari. Penari-penari tersebut terdiri daripada lima orang penari lelaki dan lima orang penari perempuan. Penari-penari lelaki mestilah lebih tinggi daripada penari-penari perempuan. Penari perempuan akan memakai Serimpak daripada logam berwarna perak atau emas di bahagian kepala.

Semasa menari, penari-penari akan melambai-lambaikan selendang yang dipakai. Gerak tari ini bertujuan mengundang pengantin lelaki naik ke rumah.

Persembahan tarian ini diiringi dengan permainan alat muzik yang dimainkan oleh enam orang ahli yang terdiri daripada kaum perempuan. Alat muzik yang digunakan ialah sebuah Tetawak atau Kulintangan, dua buah gong, dua buah gendang, dan sebuah bebandil.

Kesimpulannya, Tarian Limbai mempunyai keunikannya yang tersendiri. Tidak hairanlah Tarian Limbai pernah dipersembahkan ke peringkat antarabangsa. Generasi muda khususnya kaum Bajau Samah haruslah memelihara tarian tradisi ini bagi mengekalkan warisan budaya bangsa.



Bina ayat yang betul berdasarkan pola ayat yang diberikan:

Frasa Nama (FN)	Frasa Nama (FN)
Tarian Limbai	tarian tradisi etnik Bajau Samah.
Frasa Nama (FN)	Frasa Kerja (FK)
Frasa Nama (FN)	Frasa Adjektif (FA)
Frasa Nama (FN)	Frasa Sendi Nama (FSN)



(Sumber: Pejabat Daerah Kota Belud, Sabah)



Baca dan sebut semula perkataan yang berhuruf tebal.



Tangkal angkat merupakan alat **tradisional** yang digunakan oleh masyarakat Melayu dan Cina pada zaman dahulu untuk menangkap ikan. Aktiviti **menangkal** ikan ini **popular** di kawasan utara Semenanjung Malaysia. **Kawasan** ini ialah kawasan yang berdekatan dengan tali air dan parit yang **mengairi** kawasan sawah padi.

Tangkal angkat ini diperbuat daripada buluh. Sebatang buluh yang besar dan panjang diperlukan untuk dijadikan pemegang tangkul angkat ini. Kemudian, **jaring** akan dipasang pada empat penjuru buluh yang berbentuk “x”. Tangkul ini akan **direndamkan** ke dalam air untuk beberapa ketika sebelum diangkat.

Aktiviti menangkal ikan dilakukan semasa **musim** hujan kerana air akan naik dan menjadi **keruh**. Keadaan ini akan menyebabkan banyak ikan keluar dari **sawah** dan **parit** disebabkan arus air yang laju. Kebiasaannya, ikan yang ditangkal ialah ikan sepat, ikan puyu dan ikan keli.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah)



Kehalusan Seni Warisan Bangsa



Berpandukan maklumat, lakonkan aktiviti main peranan untuk mendapatkan perkhidmatan.

Muzium Cina Sarawak

Murid Kelas Peralihan, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Raya akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium Cina Sarawak pada 6 April 20□□

Lawatan ke
**MUZIUM
CINA**
KUCHING,
SARAWAK

Jika anda menggunakan agensi pelancongan kami, anda akan menikmati pakej perkhidmatan istimewa ini

- Pemandu pelancong
- Perkhidmatan pengangkutan
- Penginapan (bagi pengunjung dari luar Kuching)
- Tempahan tiket penerbangan (bagi pengunjung dari luar Sarawak)
- Makan dan minum
- Perkhidmatan bagi pengunjung OKU
- Wi-Fi percuma
- Lawatan tambahan ke tempat menarik di sekitar Kuching
- Cenderamata disediakan

Keunikan Muzium Cina

- Keunikan etnik kaum Cina
- Maklumat kepelbagaian dialek dalam bahasa Cina
- Seni budaya masyarakat Cina Sarawak
- Seni bina bangunan dan tokong
- Makanan masyarakat Cina

Sila hubungi kakitangan agensi pelancongan Kembara Emas Sdn. Bhd. untuk maklumat terperinci:

Encik Liew Wee - 012 - 3456780
Puan Sharlie Arif - 012 - 1234567

Pakej lawatan anjuran:



1.6.1 Menyatakan permintaan untuk mendapatkan barangan dan **perkhidmatan** dengan menggunakan ayat yang tepat dan secara bertatasusila.



Seni Tenun dan Canting



1. Nyatakan maklumat yang terdapat dalam lirik lagu.
2. Bincang dengan rakan anda tentang cara untuk mengekalkan tenunan dan batik tradisional di Malaysia.

Kain Songket

Pemuda pemudi kalau berkain songket
Alangkah indah berseri bertambah cantik
Alangkah indah berseri bertambah cantik
Kainlah songket tenun Melayu
Mula asalnya dari Terengganu

Oh abang yang manis
Oh nona yang lawa
Pakai kain songket
Pakaian budaya

Kain songket pakaian anak Melayu
Tapi sayang tak boleh pakai selalu
Tapi sayang tak boleh pakai selalu
Kerana jemu mata memandang
tidak seperti batik basahan
Berbagailah macam boleh digayakan
Setiap hari jikalau berjalan
Berbagailah macam boleh digayakan
Setiap hari jikalau berjalan

Sungguh banyak dipakai masa hari raya
Miskin kaya kecil besar tua muda
Miskin kaya kecil besar tua muda
Apa lagi yang lelaki tua
Dia berjalan dengan kaki tiga
Tersenyum pula sambil ketawa
Sayang sedikit giginya dua

(Sumber: Dipetik daripada lagu Kain Songket nyanyian Allahyarhamah Puan Sri Saloma.)



- 2.4.2 Membaca dan memahami pelbagai bahan sastera bagi mendapatkan maklumat dan menggalakkan pemikiran kreatif.



Babak 1

Pagi yang cerah. Terdengar bunyi kokokan ayam. Di atas meja, kelihatan peralatan mencanting batik. Papan untuk menyampirkan kain putih tersusun rapi. Kelihatan sehelai kain yang telah siap dilukis pada papan itu. Motif flora yang dilukis kelihatan begitu cantik dan kemas. Pak Wan sudah bersedia untuk menyambung tugasnya pada pagi itu. Hari ini cucunya yang baru pulang dari Kuala Lumpur akan membantunya menyiapkan kain batik.

Amira: Wah, cantiknya! Nampaknya atuk dah siap melukis corak pada kain ini. Amira ketinggalanlah ni.

Pak Wan: Itulah, kenapa Amira pulang lambat sangat? Kawan atuk hendak tempahan ini disediakan dengan segera. Tak apalah, hari ini Amira bantu atuk mencanting batik menggunakan lilin cair, ya.

Amira: Baiklah, atuk. Lain kali atuk tunggu Mira pulang dahulu, ya. Mira juga mahu belajar cara melukis corak batik pada kain putih terlebih dahulu.

Pak Wan: Baiklah, Mira.

Amira: Atuk, mengapakah lilin cair digunakan untuk mencanting batik? Mira lihat lilin cair ini panas.

Pak Wan: Lilin cair digunakan untuk melakar corak yang telah dilukis pada kain. Lilin cair itu bertindak menghalang bahan pewarna daripada bercampur dan meresap masuk ke bahagian lain.

Amira: Oh, begitu! Apakah proses seterusnya, atuk?

Pak Wan: Seterusnya, kita akan mewarnakan semua bahagian dalam corak ini mengikut warna yang telah dipilih. Kain ini akan direndam selama empat jam sebelum direbus untuk mematkan warnanya. Jadi, warna kain tidak akan luntur.

Amira: Wah, pasti cantik kain batik ini atuk! Beruntung sungguh Mira kerana dapat belajar dengan atuk.

Pak Wan: Baguslah, Mira. Generasi muda mestilah memelihara seni warisan bangsa.



Melentur Buluh Biarlah dari Rebungnya



Berdasarkan bahan, tulis perenggan kesimpulan tentang peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam seni mempertahankan diri.



memberikan dorongan



memupuk minat sejak kecil



menghantar anak ke kelas seni mempertahankan diri

Panduan penulisan kesimpulan:

Gunakan penanda wacana ayat penutup, iaitu:

1. Kesimpulannya,
2. Konklusinya,
3. Keseluruhannya,
4. Akhir kata,

Gunakan ayat:

1. Penegasan - jelaslah, benarlah,
2. Cadangan - hendaklah, perlulah, haruslah
3. Harapan - diharapkan, agar, supaya, bagi, untuk

Kesimpulannya, jelaslah bahawa _____ haruslah

_____ supaya _____.

3.5.2 Membina perenggan pendahuluan, perenggan isi dan **perenggan kesimpulan** bagi penulisan karangan dengan betul dan kreatif.



Merendah Diri



1. Baca cerita dengan penuh penghayatan.
2. Bincangkan pengajaran yang terdapat dalam cerpen.

Si Merak yang sombong



Di dalam sebuah hutan, terdapat seekor burung merak yang sangat cantik. Bulunya bercorak dan berwarna-warni. Sesiapa sahaja yang melihatnya pasti kagum akan kecantikannya. Apabila burung merak mengembangkan ekornya, kelihatan corak aneka warna yang berkilauan. Jika burung merak dilihat dari jauh, bertambah cantik bulunya kerana kelihatan seperti kipas.

Dengan megah Si Merak berkata kepada kawan-kawannya, "Lihatlah kecantikanku, di hutan ini hanya aku sahaja yang diciptakan dengan bulu yang cantik. Kau gagak, bulu kau hitam semua."

"Ha, ha, ha..." ejek Si Merak.

Si Merak berasa dirinya mempunyai kelebihan berbanding dengan binatang lain di hutan tersebut. Sikapnya itu lama-kelamaan menjadikan dirinya sombong dan asyik memuji-muji dirinya sendiri di hadapan binatang-binatang yang lain, bak kata peribahasa masuk bakul angkat sendiri.

Pada suatu hari, Si Merak telah terpijak perangkap yang dipasang oleh manusia. Si Merak menjerit sekuat hatinya meminta tolong.

"Tolong, tolong!" Jeritnya sekuat hati. Malangnya, tiada seekor pun binatang yang mendengar jeritannya. Si Merak berasa ketakutan dan sedih. Kini barulah dia tahu bahawa kecantikannya telah memakan dirinya sendiri.

Kesimpulannya, keindahan dan kecantikan burung merak yang unik dan mempunyai nilai estetika tidak seharusnya menjadikan burung merak sombong dan angkuh. Ciptaan Tuhan yang indah ini hendaklah dihargai dengan cara yang betul. Selain itu, budaya masyarakat juga mendidik kita supaya merendah diri walaupun mempunyai kelebihan dan keistimewaan berbanding dengan orang lain.



- 4.1.1 Membaca dan memahami pantun, syair, sajak, **cerpen** serta novel dengan penuh penghayatan.

Cantiknya Tangga Batu



Aktiviti

Berdasarkan bahan, bina ayat dengan menggunakan pola ayat.



Seni Bina

- pengaruh seni bina China.
- jubin bermotifkan bunga, burung dan geometri.

Susun Atur Anak Tangga

- kiraan ganjil.
- lima, tujuh dan sembilan.

Pemilihan Warna

- tangga batu ini berwarna hijau atau merah.
- sesetengah rumah menggunakan aneka warna.



Baca maklumat dengan telitinya. Kemudian, berikan maksud bagi perkataan yang bergaris dengan merujuk kamus.

- Keris merupakan senjata yang digunakan oleh pahlawan Melayu pada kurun ke-14.
- Berkait rapat dengan dunia persilatan Melayu
- Menjadi senjata utama untuk bertarung dengan musuh.

Hulu Keris


Berfungsi sebagai pemegang keris yang diperbuat daripada bahan keras seperti kayu, tanduk, gading, gigi gajah ataupun logam.

Sarung Keris

- Tempat menyimpan mata keris.
- Sarung keris direka mengikut bentuk mata keris.
- Sarung keris diperbuat daripada kayu terpilih.
- Terdapat sesetengah sarung keris yang diukir dengan seni ukiran kayu.
- Sarung keris disaluti dengan logam berharga seperti emas, perak dan tembaga.

Mata Keris

- Bilah utama keris dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian pangkal, bahagian depan dan bahagian belakang.
- Mata keris mempunyai dua sisi permukaan yang tajam.




(Sumber: Senjata Warisan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2007).



Lakar galeri seni rekaan anda untuk ditunjukkan kepada guru penasihat kelab.

Sebagai Pengerusi Kelab Warisan Seni di sekolah, anda dikehendaki berbincang bersama-sama dengan ahli jawatankuasa kelab untuk mewujudkan sebuah galeri seni yang mempamerkan hasil kraf dan kesenian pelbagai kaum di Malaysia.



JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

● Mengapakah jati diri penting kepada kita?

● Apakah yang anda faham tentang warganegara?

● Nyatakan kepentingan semangat cinta akan negara.

DEDICATED TO
THE HEROIC FIGHTERS
IN THE CAUSE OF
PEACE AND FREEDOM

فدیرا ریحہ جوع اننوق
منکفہ کومین دارک سید



1. Dengar rakaman audio untuk mengecam sebutan perkataan, istilah dan rangkai kata dengan betul.
2. Nyatakan maksud perkataan, istilah dan rangkai kata tersebut.

Tokoh Sejarah Sekolah

Wartawan muda dari sidang redaksi majalah sekolah telah mewawancara bekas pengetua yang banyak berjasa kepada sekolah.

TEMA 5

Selamat pagi, Tuan Mustafa bin Amri. Saya ingin mengucapkan **tahniah** kepada tuan kerana berjaya meraih **Anugerah Tokoh Sejarah Sekolah** baru-baru ini.

Terima kasih, Teo Ee Yin dan Saleha. **Kejayaan** ini ialah kejayaan kita bersama-sama.

Apakah **rahsia** kejayaan tuan sehingga dapat menerima **anugerah** ini?

Semasa bertugas sebagai pengetua, saya selalu memastikan murid sekolah mengamalkan **budaya** ingin **maju** dalam pelajaran. Saya juga menekankan prinsip tidak mengenal kegagalan.

Boleh tuan jelaskan **prinsip amalan** kerja yang baik?

Boleh. Saya menekankan **budaya kerja** saling **bekerjasama** tanpa membezakan kaum. Saya percaya bahawa **jati diri** negara inilah yang **menguatkan semangat** saya.

Saya **bangga** sebab dapat bertemu dan **mewawancara** tuan. Banyak ilmu yang saya dapat pada hari ini.

Ya Saleha. Sekurang-kurangnya saya dapat berkongsi pengalaman saya. Nasihat saya, generasi muda hendaklah mengekalkan suasana **harmoni** ini.

1.1.2 Mendengar dan menyatakan makna **perkataan**, **istilah** serta **rangkai kata** dengan betul dan pelbagai situasi.



Sambutan Hari Kebangsaan



Baca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul serta lancar.

Tajuk Drama: HARI KEBANGSAAN
Karya: Shamsudin bin Othman

BABAK SATU

Watak:
Salmiah
Swee Meng
Balan

Situasi:

Salmiah, Swee Meng dan Balan sedang berbual-bual tentang kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah.

- Salmiah:** Wah, meriahnya sambutan Hari Kebangsaan sekolah kita semalam! Apakah pandangan kamu berdua?
- Swee Meng:** Ya, Salmiah, saya setuju. Saya kagum melihat persembahan rakan-rakan kita semalam. Mereka bersemangat ketika berlakon, menyanyi dan membuat persembahan. Meriah sekali.
- Balan:** Saya pula tidak dapat melupakan ucapan yang disampaikan oleh Yang Dipertua PIBG semalam. Nasihatnya tentang jati diri sangat berkesan kepada jiwa saya.
- Salmiah:** Saya pula kagum dengan persembahan kumpulan koir sekolah yang berjaya menyampaikan lagu "Bahtera Merdeka" dengan baik. Hebat betul mereka.
- Swee Meng:** Wah, seronoknya saya mendengar cerita kamu! Jika begitu, saya berpendapat kita perlu meneruskan sambutan Hari Kebangsaan ini pada tahun hadapan.
- Balan:** Saya setuju, Swee Meng. Sambutan Hari Kebangsaan ini sangat penting kerana program seperti ini dapat menanam rasa cinta akan negara.



Sekolahku Sayang



Berdasarkan bahan dan pengetahuan anda, tulis karangan tentang keistimewaan sekolah.

Bersempena dengan Hari Kesedaran Patriotik peringkat daerah, sekolah anda telah memenangi Anugerah Galeri Sejarah Sekolah Terbaik. Anda diminta menghasilkan karangan tentang keistimewaan sekolah anda.



Maklumat

1. Nama sekolah:
2. Sejarah penubuhan sekolah:
 - a. Tahun ditubuhkan:
 - b. Latar tempat sekolah:
 - c. Nama pentadbir:
3. Fizikal sekolah:
4. Bilangan guru dan murid:
5. Kejayaan sekolah:

Isi 2



Isi 3



Penutup





Pendahuluan

Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

TEMA 5



Isi 1





Puteri Saadong



1. Berdasarkan bahan, kenal pasti bandingan semacam.
2. Bina ayat dengan menggunakan bandingan semacam tersebut.

Puteri Saadong ialah anak kepada Raja Loyar dari Kerajaan Jembal. Sejak kecil, Puteri Saadong telah diserahkan kepada Che Siti Wan Kembang sebagai anak angkatnya. Che Siti Wan Kembang sangat baik malah sikapnya yang adil macam hakim itu telah menyebabkan negeri Chinta Wangsa menjadi maju.

Setelah dewasa, kejelitaan Puteri Saadong telah menjadi bualan ramai hingga ke pengetahuan Raja Siam. Oleh sebab wajahnya yang cantik macam bidadari itu, Raja Siam telah menghantar rombongan untuk menyunting Puteri Saadong. Walau bagaimanapun pinangan itu telah ditolak oleh Che Siti Wan Kembang dan suaminya Raja Loyar.

Penolakan itu telah menyebabkan Raja Siam murka. Raja Siam yang terkenal dengan sifatnya yang garang macam singa dan kuat macam Badang itu telah mengambil keputusan untuk menyerang negeri Chinta Wangsa dan Kerajaan Jembal.

Bagi menyelamatkan Puteri Saadong, Che Siti Wan Kembang dan Raja Loyar bersepakat menikahkan Puteri Saadong dengan sepupunya yang bernama Raja Abdullah. Raja Abdullah dan isterinya dianugerahkan sebuah jajahan bernama Jelasin. Perkahwinan itu telah menyebabkan Raja Siam marah sehingga berlakunya peperangan. Tindak-tanduk Raja Siam yang angkuh macam merak dan zalim macam Firaun telah menyebabkan rakyat yang tidak berdosa terkorban.

Puteri Saadong sangat berdukacita mengenangkan nasib rakyatnya yang dizalimi itu. Akhirnya, baginda bersetuju untuk hidup di bawah jagaan Raja Siam. Walau bagaimanapun, kehidupan Puteri Saadong ketika di bawah jagaan Raja Siam tidak kekal lama. Setelah kemangkatan Raja Siam, Puteri Saadong pulang semula ke Jelasin. Puteri Saadong makin berdukacita apabila mendapati Raja Abdullah telah berkahwin dengan orang lain. Puteri Saadong merajuk lalu menyembunyikan diri di Gunung Agam.



(Diolah semula daripada Koleksi Cerita Rakyat Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka; 1987)

- 4.2.1 Memahami dan menggunakan **bandingan semacam** dalam komunikasi dan penulisan dengan betul mengikut konteks.



Berbakti kepada Sekolah



1. Kenal pasti jenis ayat yang terdapat dalam bahan.
2. Bina jenis ayat lain berdasarkan situasi dalam gambar.

Subra ialah seorang pengawas sekolah. Pada suatu petang, ketika berbual-bual dengan Mei Lee dan Aisyah, dia bercerita tentang sambutan Hari Kebangsaan di sekolahnya.

Amboi, jauhnya kamu berangan-angan! Apakah yang kamu fikirkan?

Saya sedang memikirkan sumbangan yang dapat saya berikan untuk persiapan menyambut Hari Kebangsaan di sekolah kita.

Oh, ya! Kita perlu membuat persiapan segera.

Betul, Mei Lee. Tolong berikan idea.

Subra, saya mencadangkan awak menyediakan poster yang berkaitan dengan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan.

Awak boleh pameran poster tersebut di Pusat Sumber Sekolah.

Terima kasih, Mei Lee dan Aisyah kerana banyak membantu saya. Kamu berdua rakan yang baik. Saya bangga menjadi rakan kamu.



Info Bestari

- Jenis ayat.** Ayat terbahagi kepada empat jenis, iaitu:
1. Ayat penyata
 2. Ayat tanya
 3. Ayat perintah
 4. Ayat seru



Berdasarkan bahan, suaikan bandingan semacam.
Kemudian, bina ayat.

Suaikan bandingan semacam berikut:

pandai



cantik



ringan



kuat



lambat



harum



macam

kapas



Badang



kura-kura



bidadari



sang kancil



bunga



UNIT 14



Mendengar
dan Bertutur

Menjadi Wira



Aktiviti

1. Teliti bahan yang disediakan.
2. Berbincang dengan rakan anda untuk mengetahui maklumat yang terdapat dalam bahan.

Gagah Perkasa

Jati Diri, Patriotisme dan
Kewarganegaraan

TEMA 5



Tayangan Perdana Sempena Bulan Kebangsaan Peringkat Sekolah

Masa: 10:00 pagi hingga 11:30 pagi

Tarikh: 16 Ogos 20□□

Tempat: Bilik Media Sekolah

Harga Tiket

RM2.00

Kutipan tiket adalah untuk tabung
Persatuan Sejarah Sekolah.

sebuah filem oleh NOORDIN TAIB Sebuah Produksi DAUN MERAH SDN BHD.
Dibintangi oleh: NUHAIRI RAZAK BAZMAN IMAN EDRUS WAHID LUQMAN ZULHAKIM
FIRDAUS SANUDIN IDZNE NASYUHA ADRIANA NISYA FATIN IQLIMA
Lakoni Layar NASIR DAUD Pengarah Fotografi SUHAIMI ABDUL RAHMAN Suntingan AZHAR MOHAMAD
Pereka Imej FAIZUL ANN AHMAD Pembantu Pengarah HAMZAH TAIB
Pengarah WAN AZRIN NIZAM A.M.N

1.2.1 Mendengar dan menyebut maklumat yang terdapat dalam arahan, pesanan serta pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.



Jiwa Negara



1. Baca lirik lagu secara mekanis.
2. Dendangkan lagu tersebut dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Cemerlang Gemilang Terbilang

Ke puncak penuh keagungan,
ke lembah penuh kemuliaan,
satu hati,
satu rasa,
impian pasti menjadi nyata.

Demimu Malaysia tercinta,
kami menggenggam tekad,
membawa bangsa negara,
ke puncak keagungan.

Demi bangsa,
demi negara,
ayuhlah kita bangkit berjuang.

Maju bangsa,
maju negara,
kita dipandang mulia.

Cemerlang gemilang terbilang,
negara dan juga bangsa,
mari buktikan pada dunia,
Malaysiaku berjaya.

Lagu: Dato' Mokhzani bin Ismail
Lirik: Siso

[http://www.liriklagumuzika.com/2008/09/
lirik-lagu-patriorik-cemerlang-gemilang.
html#ixzz5dDRilBtc](http://www.liriklagumuzika.com/2008/09/lirik-lagu-patriorik-cemerlang-gemilang.html#ixzz5dDRilBtc)



Putera Puteri Negara

**Putera puteri negara jaya,
Bersatu berpadu tenaga,
Padamu harapannya bangsa,
Seandai cita-cita.**

**Putera puteri sejati mulia,
Kota bandar desa sepasti,
Seruan jasmani dewi suci,
Bakti jasa jiwamu.**

**Menegakkan nusa,
Mendirikan bangsa,
Putera puteri dewi,
Cekal gagah berani.**

**Putera puteri negara jaya,
Bersatu berpadu tenaga,
Padamu harapannya bangsa,
Seandai cita-cita.**

Lagu: Jimmy Boyle
Lirik: Dol Baharim

<https://www.youtube.com/watch?v=px86c7TjtJ4>



Budimu Kukenang



Salin petikan dengan tulisan yang kemas.

Pada masa ini, semangat patriotik semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita. Hal ini demikian kerana masyarakat kita terlalu sibuk dengan urusan sendiri sehingga mereka tidak sedar apa-apa yang berlaku di sekeliling. Mereka tidak seharusnya berpendapat bahawa perkara yang penting dalam kehidupan ini adalah untuk mencari kekayaan dan kebahagiaan sahaja.

Sikap itu sebenarnya sikap yang tidak wajar dicontohi. Sebagai masyarakat yang berjiwa patriotik, kita perlu mengingati pengorbanan pejuang-pejuang negara terdahulu. Tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara seperti Dol Said, Datuk Bahaman, Tok Janggut, Mat Kilau, Datu Mat Salleh, Libau anak Ningkan atau Rentap, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, Ontoros Antanom dan lain-lain ialah wira negara yang sanggup berkorban menentang penjajahan British. Sikap mereka itu patut dijadikan teladan.

Sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Salah satu daripada caranya adalah dengan memberikan kesedaran tentang semangat patriotik sejak bangku sekolah lagi.

Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, maka sudah tentu semangat ini dapat diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa. Hal ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya.



3.1.1 Menulis perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas.



Selamat Berjuang



1. Berdasarkan bahan, lengkapkan peribahasa.
2. Berbual dengan rakan anda tentang maksud peribahasa tersebut.




Di mana _____ dipijak,
di situ langit _____.



Alang-alang menyeluk _____,
biar sampai ke _____ lengan.



_____ mati meninggalkan belang,
manusia mati meninggalkan _____.



Bersatu _____,
_____ robh.

4.2.2 Memahami dan menggunakan peribahasa dalam komunikasi dan penulisan dengan betul mengikut konteks.



Kelab Rukun Negara



1. Fahami situasi yang diberi.
2. Lengkapkan perbualan dengan pelbagai jenis ayat.

Liana, Lim dan Ravi sedang berbincang untuk menyertai kelab di sekolah mereka.

Liana, kenapa awak tidak berminat menyertai Kelab Rukun Negara?

Betul juga kata awak, Lim. Saya pun tertanya-tanya.

Saya bukan tidak berminat, tapi saya sudah mendaftar menjadi ahli kelab Bahasa Melayu.

5.2.3 Memahami dan menggunakan jenis ayat dengan betul mengikut konteks.



1. Susun semula perkataan mengikut jenis-jenis ayat.
2. Kelaskan ayat mengikut jenis-jenis ayat yang betul.

1

Kebangsaan 31 Ogos

disambut pada Hari

2

kita melanggar Jangan

sesekali undang-undang negara

3

kita negara

merdeka? Bilakah

4

Kita mempertahankan negara

kemerdekaan perlu

5

bendera Wah, berkibar

itu! yang cantiknya



Hasilkan catatan tentang pengalaman anda menyertai Karnival Hari Kebangsaan sekolah.

Jumaat
12 September 20□□

8:00 pagi

Berkumpul dan bersiap sedia.

10:00 pagi

Tiba di Muzium Negara dan mendengar taklimat.

11:00 pagi

Melawat pameran.

4.00 petang

Bertolak pulang dari Muzium Negara.

Catatan

8:00 pagi



10:00 pagi



11:00 pagi



4:00 petang





Dengar perbualan berikut. Kemudian, berbincang dengan rakan anda tentang cara-cara menjaga hak peribadi.

Identiti Warganegara

Ceritakan kepada cikgu tentang maklumat yang terdapat pada kad pengenalan kamu.

Terdapat gambar, alamat rumah dan nombor kad pengenalan, cikgu.

Cikgu, saya minta maaf. Kad pengenalan saya tertinggal di rumah.

Kalau tiada kad pengenalan, kita boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

Eh, kamu ni, Kavita! Kita mesti membawa kad pengenalan ke mana-mana kita pergi. Maklumat peribadi kita terdapat pada kad pengenalan.

Kavita, sebagai rakyat Malaysia, kita mesti bertanggungjawab menjaga hak peribadi kita.

Saya terpaksa tinggalkan kad pengenalan saya di rumah kerana takut hilang. Ibu saya mengingatkan saya supaya menjaga kad pengenalan dengan baik.

Betul, Kavita. Saya berharap agar kamu sentiasa membawa kad pengenalan walau ke mana-mana kamu pergi. Kad pengenalan itu seperti nyawa kita.

Baiklah, cikgu. Saya akan ingat nasihat dan pesanan cikgu. Terima kasih juga Ah Meng kerana mengingatkan saya.

1.2.2 Menyampaikan maklumat yang terdapat dalam arahan, **pesanan** dan pengumuman ringkas dengan betul dan tepat.



Pewaris Tanah Airku



Baca dan fahami bahan. Kemudian jawab soalan yang disediakan.

Generasi muda khususnya murid sekolah merupakan golongan pelapis yang bakal mewarisi teraju negara pada masa akan datang. Masa depan negara sangat bergantung pada generasi muda dalam mempertahankan peraturan dan undang-undang negara.

Semangat patriotik ialah perasaan cinta akan negara. Perasaan ini perlu lahir dalam diri individu itu sendiri. Semangat cinta akan tanah air akan dapat melahirkan individu yang mampu menjadikan sesebuah negara aman, damai dan harmoni. Pada hari ini, kesedaran generasi muda terhadap semangat patriotik semakin pudar.



2.2.2 Membaca dan memahami ayat serta perenggan dengan memberikan maksud yang tersurat dan **tersirat** dengan betul dan tepat.



Hal ini disebabkan generasi muda beranggapan bahawa mempertahankan negara bukan satu perkara penting dalam kehidupan harian mereka. Mereka juga beranggapan bahawa hal-hal keselamatan negara merupakan tanggungjawab polis atau tentera sahaja. Sehubungan dengan itu, tanggapan yang salah seperti ini perlu dielakkan.

Oleh sebab itu, generasi muda hendaklah menjadi generasi yang dapat mempertahankan perlembagaan negara dan memastikan keharmonian negara dapat dikekalkan.

Jawab soalan yang berikut:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan semangat patriotik?
2. Mengapakah semangat patriotik semakin pudar dalam diri generasi muda?
3. Bagaimanakah semangat patriotik dapat disemai dalam diri generasi muda?
4. Sejauh manakah semangat patriotik penting kepada negara kita?



Info Bestari

Isi tersirat ialah sesuatu maklumat tersembunyi yang boleh dikaitkan dengan teks yang dibaca.



Seia Sekata



Berdasarkan petikan yang dibacakan, tulis semula perenggan dengan betul dan tepat.

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi Majlis.
Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Pengetua, Guru-guru Penolong Kanan, dan hadirin yang dikasihi sekalian.

Berdirinya saya di sini kerana ingin menyampaikan syarahan yang bertajuk “Bersatu Teguh, Bercerai Roboh”. Pernahkah tuan-tuan mendengar peribahasa ini?

Hadirin yang dihormati,

Peribahasa bersatu teguh bercerai roboh bermaksud kerjasama erat antara masyarakat akan dapat menghasilkan semangat muhibah dan perpaduan. Hal ini bermakna, jika kita tidak mengamalkan semangat bersatu padu dan bekerjasama, maka kehidupan dalam masyarakat kita akan menjadi tidak sempurna.

Hadirin yang dihormati,


Kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum memerlukan rakyat yang baik, bijak dan setia kepada negara. Oleh sebab itu, peribahasa ini mengingatkan kita betapa pentingnya perpaduan kerana perpaduan ialah lambang keharmonian sesebuah negara yang merdeka.

Hadirin yang dikasihi,

Saya akhiri syarahan ini dengan serangkap pantun;

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi hidup sengsara;
Hidup berhemah amalan budi,
Tanpa budi runtuhlah negara.

Sekian, terima kasih.





Tempat Jatuh Lagikan Dikenang



1. Baca bahan dengan menggunakan intonasi yang betul.
2. Bina ayat berdasarkan peribahasa yang terdapat dalam petikan.

Coretan dari Kota London

Setiap manusia mempunyai pengalaman mengembara yang indah. Begitu juga dengan saya. Saya telah melalui satu pengalaman yang sukar dilupakan. Ceritanya bermula ketika saya berjaya menjejaskan kaki di kota London. Saya dapat melihat istana England yang tersergam megah dan pelbagai keunikan yang indah. Sese kali tindak-tanduk saya **seperti rusa masuk kampung**. Keindahan itu menyebabkan lidah saya kelu untuk berkata-kata.

Masyarakat kota London yang ramah menyebabkan saya seronok dan gembira. Sikap **malu bertanya sesat jalan** merupakan sikap yang perlu dielakkan sewaktu mengembara. Ketika berada di perantauan, saya sentiasa

berhati-hati dan berwaspada, bak kata orang tua-tua **ingat sebelum kena, jimat sebelum habis**.

Walaupun berada di kota London, saya tetap rindu akan tanah air. Benar kata pepatah Melayu, **tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat bermain**. Saya sentiasa teringat akan nasi lemak, roti canai dan teh tarik yang menjadi makanan kegemaran saya. Bagi saya, keenakan makanan tempatan tiada tandingannya.


Setelah pulang ke tanah air, saya selalu berkongsi pengalaman indah itu dengan rakan-rakan lain. Pesanan saya kepada mereka, **cerita yang baik dipakai, yang buruk dibuang** supaya kawan-kawan dapat mengetahui bahawa tidak semua pengalaman berada di perantauan itu indah.



Sejahtera Selamanya



Analisis dan betulkan kesalahan perkataan dalam ayat dengan betulnya.



CIP

Pasport pertama di dunia dilengkapi dengan ciri keselamatan biometrik menggunakan cip.



KESELAMATAN

Pasport versi baharu yang ditambah baik dengan 50 ciri keselamatan tambahan.



REKAAN UNIK

Rekaan pasport lebih unik dengan memaparkan mercu tanda negara, flora dan fauna tempatan serta menerapkan falsafah lima prinsip Rukun Negara.



SELURUH NEGARA

Kedudukan pasport berdasarkan jumlah negara yang boleh dilawati bagi rakyat sesebuah negara tanpa menggunakan visa.



Setiap warganegara Malaysia perlu memiliki pasport yang sah jika ingin ke luar negara. Pasport boleh dimohon daripada Jabatan Imigresen Negara. Hari ini, pasport mempunyai ciri-ciri khusus sebagai langkah keselamatan. Pasport rupa bukti sah taraf kewarganegaraan seseorang, jika ke luar negara. Hal ini bermakna, tanpa pasport seseorang itu boleh dianggap telah melanggar undang-undang sesebuah negara. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga pasport dengan baik dan selamat. Pemegang pasport akan didenda jika kehilangan pasport berpunca daripada kecuiaan. Bagi hilang pasport akibat dicuri, dirompak dan kebakaran, pengecualian akan diberikan jika disertakan laporan polis. Sebagai rakyat yang tanggung jawab, mereka perlu milik pasport yang sah supaya tidak dikenali sebagai pendatang tanpa izin.

5.3.1 Menganalisis dan membetulkan pelbagai **kesalahan perkataan** dalam ayat dengan betul dan tepat.




Kenal pasti sepuluh perkataan yang berkaitan dengan nilai murni. Kemudian, beri maksud perkataan tersebut.

1	kur	syu				
2	tik	o	ri	pat		
3	si	ra	nal	o		
4	ngat	se	ma			
5	di	ber	ri	ka		
6	ke	dil	a	an		
7	ke	bas	be	an		
8	ju	ke	jur	an		
9	ke	ra	ni	be	an	
10	se	ha	der	na	an	ke



Berdasarkan bahan, sambung cerita di bawah sehingga menjadi sebuah cerita yang lengkap. Persembahkan karya yang dihasilkan.



SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

- Mengapakah sains penting kepada kehidupan manusia?
- Apakah sumbangan teknologi kepada kita?
- Bagaimanakah inovasi dapat menggalakkan murid-murid berfikir secara kreatif?

UNIT 16

Mendengar
dan Bertutur

Dunia Sains



Aktiviti

Berdasarkan situasi, laksanakan aktiviti main peranan.

EKSPLORASI SAINS

Wan Firdaus, Shashikeran, Nur Hanis dan Mansimren Kaur telah mengikuti rombongan ke Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara yang terletak di Kedah. Semasa lawatan, mereka telah meminta seorang petugas memberikan tunjuk ajar bagi mengikuti pelbagai aktiviti interaktif yang disediakan. Sebagai menghargai pertolongan yang diberi, mereka memberikan ucapan dan penghargaan kepada wakil Pusat Sains tersebut.

SELAMAT DATANG

Selamat pagi. Nama saya, Wan Firdaus. Ini kawan-kawan saya, Shashikeran dan Mansimren Kaur. Kami ingin melawat dan meneroka pusat sains ini.



- 1.3.1 Berbual dengan memberi ucapan selamat dan menyatakan penghargaan menggunakan sebutan yang betul serta intonasi yang sesuai secara bertatasusila.





Membaca

Catatanku



Aktiviti

Baca dan fahami teks.

Nyatakan maklumat yang terdapat dalam teks.

Selamat Datang ke
Blog Haikal

Utama Pautan Hubungi

Hai, kawan-kawan! Saya ingin berkongsi satu pertandingan yang akan diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Omar sempena Minggu Sains yang akan berlangsung pada bulan hadapan.

Pertandingan Mencipta Video Pendek Bertemakan
Aeroangkasa

Anjuran: Kelab Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Omar

Syarat-syarat Pertandingan

- Durasi video mestilah tidak melebihi lima minit.
- Bilangan peserta setiap kumpulan berjumlah tiga hingga empat orang.
- Terbuka kepada murid-murid menengah rendah sahaja.

Hadiah

Tempat pertama
Hamper dan baucar buku bernilai RM300.00

Tempat kedua
Hamper dan baucar buku bernilai RM150.00

Tempat ketiga
Hamper dan baucar buku bernilai RM85.00

Borang penyertaan boleh dimuat turun di www.kelabsainsjalanomar.edu.my.
Sila hantar penyertaan anda selewat-lewatnya pada 15 Jun 20□□ kepada Setiausaha Kelab Sains, Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Omar.

 **Eksplorasi Minda**
Hasilkan sebuah blog bersama-sama kumpulan rakan anda.

2.3.1 Membaca, memahami dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.



Saintis Muda



Berdasarkan maklumat yang dipaparkan, hasilkan catatan yang menerangkan aktiviti Karnival Saintis Muda. Catatan perlu mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk.

- **Ajaibnya sains**
- **Kuiz sains**
- **Eksplorasi**
- **Roket air dan dron**
- **Membina dan memasang model**
- **Uji kaji**
- **Aktiviti berkumpulan**

Cabutan Bertuah
20 tiket ke
Planetarium
Negara

Karnival Saintis Muda





Sinar Matahari



Berdasarkan bahan yang diberikan, hasilkan sebuah sajak.



Memberikan cahaya dan keindahan kepada alam



Sumber tenaga untuk tumbuh-tumbuhan



Sumber tenaga bagi bumi



Manfaat kepada manusia

Matahari,
sinarmu terlalu berharga

.....
.....
.....
.....

Matahari,

.....
.....
.....
.....



Info Bestari

Tenaga Solar ialah teknologi yang dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada cahaya matahari. Antara contoh penggunaan tenaga solar termasuklah pemanasan air dan pemanasan bangunan. Tenaga matahari juga boleh menghasilkan tenaga elektrik melalui enjin pemanasan.



Bijak Sains



Analisis dan betulkan kesalahan ayat.

Buletin Kelab Sains

Sekolah Menengah Kebangsaan Tasik Biru

Pertandingan Fotografi

Bersempena dengan Minggu Sains, Kelab Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Tasik Biru telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk menyemai dan memupuk minat terhadap mata pelajaran Sains dalam kalangan murid. **Antara aktiviti-aktiviti** yang diadakan termasuklah Pertandingan Fotografi. Pertandingan ini terbuka kepada murid kelas peralihan hingga tingkatan lima. Setiap murid dibenarkan menghantar lima **buah** gambar yang diambil menggunakan kamera *Digital Single Lens Reflex (DSLR)*. Tema pertandingan tersebut ialah alam semula jadi.


Selain itu, **perlawanan** kuiz Sains turut diadakan. Kuiz ini diadakan di makmal komputer sekolah. Semua murid dikehendaki menjawab 35 soalan menerusi aplikasi dalam talian.



Aktiviti ini berjaya mewujudkan sikap **berlumba** dalam mencari dan memahami soalan yang dikemukakan. **Lain-lain aktiviti** yang dijalankan ialah pertandingan **pasang** model, buku skrap paling menarik dan Eksplorasi Saintis Muda. Menerusi **berbagai** aktiviti yang dijalankan, pihak sekolah berharap aktiviti yang disediakan mampu menarik minat murid dalam mata pelajaran Sains. **Mana murid-murid** yang menyertai program ini bukan sahaja menerima sijil penyertaan tetapi turut mendapat pengalaman yang sangat berharga.



Lengkapkan teka silang kata di bawah.



1. Orang yang mengajar atau pendidik.
2. Menyiasat punca kematian merupakan tugas ahli _____.
3. Ahli _____ mahir dalam menyediakan ubat-ubatan.
4. Pakar _____ juga boleh berkhidmat dalam bidang industri rawatan sisa radioaktif, radiografi, perubatan dan bidang yang berkaitan dengan teknologi sinaran.
5. Mahir dalam mereka, membina dan menggunakan jentera.
6. Pakar dalam bidang sains atau ahli sains.
7. Orang yang berkelayakan mengamalkan ilmu perubatan.
8. Antara tugas ahli geologi termasuklah mengkaji batuan dan mineral di dalam _____.



Teknologi Tanpa Sempadan



Media sosial memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan. Bincangkan.



Bijak Alam Maya

Seorang pegawai perhubungan sekolah sedang memberikan ceramah di hadapan murid-murid dalam perhimpunan sekolah.

berhubung dan berkomunikasi

mendapatkan ilmu pengetahuan

perniagaan dalam talian

isu semasa

hiburan

1.4.1 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.




Fenomena Angkasa



1. Baca petikan yang disediakan.
2. Ringkaskan maklumat dengan menggunakan teknik QUACK.

Gerhana Matahari


Gerhana matahari ialah fenomena astronomi yang berlaku apabila matahari, bulan dan bumi berada dalam satu garis lurus, iaitu bulan berada di tengah-tengah di antara matahari dan bumi. Dari pandangan bumi, matahari ditutupi oleh bulan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Fenomena ini berlaku semasa fasa bulan baharu atau fasa anak bulan. Gerhana matahari akan terjadi pada waktu siang dan di sesuatu kawasan tertentu sahaja.



Umbra atau bayang-bayang yang sangat gelap daripada bulan menghalang cahaya matahari terus mengenai bumi dan menyebabkan kawasan bumi tersebut menjadi gelap seketika.

Kaedah Menyaksikan Gerhana Matahari dengan Selamatnya

Terdapat beberapa kaedah untuk melihat dan mencerap gerhana matahari dengan selamatnya. Kaedah yang pertama adalah dengan cara paparan melalui unjuran lubang pin (*pinhole projection*). Kaedah ini sesuai digunakan semasa Gerhana Matahari Separa.



Terdapat empat jenis gerhana matahari, iaitu Gerhana Matahari Separa, Gerhana Matahari Penuh, Gerhana Matahari Anulus dan Gerhana Matahari Hibrid.

Gerhana Matahari Separa

Gerhana Matahari Separa akan berlaku apabila matahari dan bulan tidak berada dalam kedudukan tepat sebaris. Pada masa yang sama, cakera bulan hanya menutupi sebahagian sahaja cakera matahari.



Gerhana Matahari Penuh

Gerhana Matahari Penuh berlaku apabila bulan melintasi terus antara matahari dan bumi. Seterusnya, bulan menghalang cahaya matahari sepenuhnya hingga menyebabkan keadaan menjadi gelap di permukaan bumi tertentu.



Gerhana Matahari Anulus

Gerhana Matahari Anulus yang juga dikenali sebagai Gerhana Matahari Cincin terjadi apabila bulan dan matahari berada dalam satu barisan lurus tetapi saiz bulan kelihatan lebih kecil daripada saiz matahari. Pada ketika itu, matahari kelihatan seperti sebentuk cincin yang sangat terang.



Gerhana Matahari Hibrid

Gerhana Matahari Hibrid terjadi apabila Gerhana Matahari Penuh dan Gerhana Matahari Anulus bergabung. Gerhana matahari ini juga dipanggil Gerhana Matahari Anulus Penuh. Gerhana Matahari Hibrid yang terjadi kelihatan seperti fenomena Gerhana Matahari Penuh di beberapa tempat pada permukaan bumi sementara di tempat lain pula kelihatan dalam bentuk fenomena Gerhana Anulus. Gerhana Hibrid ini ialah peristiwa paling jarang berlaku.



Gabungan Gerhana Matahari Hibrid, iaitu terjadi apabila Gerhana Matahari Penuh di kawasan A dan Gerhana Matahari Anulus di kawasan B dalam masa yang sama.

(Sumber: Agensi Angkasa Negara)

“ Fenomena ini tidak perlu dikhuatiri kerana gerhana matahari merupakan fenomena biasa yang berlaku dan menyebabkan suhu agak rendah dalam tempoh masa yang sangat singkat. ”

Ketua Unit Penyelidikan Sains Angkasa, Agensi Angkasa Negara.



Jam Tangan Pintar



1. Teliti bahan.
2. Catatkan maklumat berdasarkan bahan.



Keistimewaan Jam Pintar

- Material yang ringan.
- Memiliki reka bentuk yang menarik.
- Tahan lasak dan tahan karat.
- Mengukur jarak larian (aktiviti kecergasan badan).
- Menerima panggilan telefon dan membaca Sistem Pesanan Ringkas.
- Menyimpan memori dan paparan digital.
- Mendengar muzik.
- Mendapatkan info yang terkini.
- Akses kepada laman sosial.
- Menghantar dan menerima e-mel.
- Sesuai untuk pelbagai aktiviti.

3.4.1 Mencatat maklumat daripada pelbagai sumber yang didengar dan dibaca dengan betul.



Yang Mana Satu?



Baca dan fahami maksud bandingan semacam yang digunakan. Hasilkan satu penulisan pendek dengan menggunakan bandingan semacam tersebut.

Nurin mengikut ibunya pergi ke Karnival Jualan Akhir Tahun. Ibunya ingin membeli sebuah telefon bimbit. Nurin ingin membantu ibunya memilih telefon yang bersesuaian.

KEDAI TELEKOMUNIKASI
ANDREW LEE

Wah, ramainya pengunjung! Penuh sesak karnival hari ini.

Betul kata ibu. Ramai pengunjung yang datang. Maklumlah, ada jualan murah.

Ibu mahu beli telefon yang mana? Yang ringan atau yang berat macam batu?

Sudah tentu yang ringan macam kapas. Harganya pula biarlah berpatutan. Jangan mahal macam emas pula.

Ciri-ciri telefon bimbit pintar.

- Mempunyai kamera
- Penganasan cap jari
- Kuasa pemprosesan yang tinggi
- Skrin besar dan berbingkai
- Kalis air
- Bateri tahan lebih lama
- Ruang penyimpanan data yang luas

Kalau begitu, ibu beli telefon yang terbaharu di pasaran. Telefon ini pintar macam kancil.

Sudah tentu. Ibu juga mahu cari telefon yang terkini. Capaiannya pula biar pantas macam kilat supaya segala maklumat ibu terima dengan pantas.



Penyelamat Bumi



1. Kenal pasti kata nama dan kata ganti nama yang terdapat dalam petikan.
2. Sambung cerita dengan menggunakan kata nama dan kata ganti nama.

Fikri merupakan seorang remaja yang suka membaca. Dia suka membaca buku-buku berkaitan dengan dinasour. Fikri mempunyai pelbagai jenis buku dan koleksi patung dinasour di rumahnya. Baru-baru ini, Fikri berpeluang mengunjungi sebuah pusat rekreasi yang menempatkan pelbagai jenis dinasour yang digerakkan menggunakan teknologi. Hasil lawatan tersebut, Fikri dapat menghasilkan sebuah cerita pendek.

5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dan kata ganti nama dengan betul mengikut konteks.